

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III

Bil. 42

Hari Isnin

6 Oktober 1997

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

Perutusan daripada Dewan Negara (Ruangan)

Memperkenankan Akta-akta (Ruangan)

Kebenaran Bercuti (Ruangan)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18:

Bencana Jerebu - Y.B. Dr. Tan Seng Giaw: (Kepong) (Ruangan)

USUL:

Bencana Jerebu - Pelan Tindakan Mengatasi (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N.,
S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin
Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.,
D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang
Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin
Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S.,
D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M.
(Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S.
(Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz,
S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P.,
D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri
Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K.
(Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
(Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A.,
S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik,
S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P.
(Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar
Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S.,
K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh,
D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J.,
A.M.N. (Kota Tinggi)

- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

“ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

“ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

“ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

“ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

“ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

“ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)

“ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)

- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K., P.S.D.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
- Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 6 Oktober 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat

“18 Ogos 1997

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) 1997;
2. Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997;
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997;
4. Rang Undang-undang Ahli Parlimen Saraan (Pindaan) 1997;
5. Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997;
6. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1997;
7. Rang Undang-undang Pembahagian (Pindaan) 1997; dan
8. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 1997.

Yang Ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA.”

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan) 1997;

2. Akta Pembangunan Sukan 1997;
3. Akta Perbekalan Tambahan (1997) 1997;
4. Akta Ahli Parlimen Saraan (Pindaan) 1997;
5. Akta Pencegahan Rasuah 1997;
6. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1997;
7. Akta Pembahagian (Pindaan) 1997;
8. Akta Syarikat (Pindaan) 1997.

KEBENARAN BERCUTI

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1991, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut:

1. Yang Berhormat Tuan Noh bin Omar; Ahli Parlimen bagi kawasan Tanjong Karang; dari 6 Oktober hingga 10 November 1997;
2. Yang Berhormat Tuan Kamarudin bin Ahmad; Ahli Parlimen bagi kawasan Arau; dari 6 Oktober hingga 9 November 1997.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

UNDANG-UNDANG ISLAM BAGI SELURUH NEGARA - PERSIAPAN/PENYELARASAN

1. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd Hassan [Larut]** minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah persiapan untuk menyelaraskan undang-undang Islam bagi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak dan apakah kesan-kesan positif atau negatif berhubung perkara ini.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil beberapa langkah untuk menyelaras undang-undang Islam di seluruh negara. Bagi tujuan tersebut jawatankuasa-jawatankuasa yang berikut telah ditubuhkan, iaitu:

- (a) Jawatankuasa Induk Mengkaji Undang-undang Syarak dan Sivil;
- (b) Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil.

Enam draf contoh rang undang-undang bagi negeri untuk dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Raja-raja akan datang telah disiapkan.

Tidak terdapat kesan-kesan negatif berhubung dengan penyelarasan tersebut, manakala kesan-kesan positif telah dapat menyeragamkan undang-undang dan pelaksanaannya di seluruh negara dan menimbulkan keyakinan masyarakat terhadap sistem pentadbiran keadilan di mahkamah-mahkamah syariah di seluruh negara.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa hasrat untuk menyeragamkan undang-undang Islam di seluruh negara adalah untuk memartabatkan undang-undang Islam itu sendiri - satu cadangan yang baik. Selain daripada itu, ada juga terdapat cadangan untuk memartabatkan undang-undang Islam itu pemegang penjawat-penjawat awam di dalam institusi yang mentadbirkan Islam itu sendiri mesti dipertingkatkan dan dalam hubungan ini telah terdapat satu cadangan iaitu untuk meletakkan mufti sebagai ahli exco kerajaan-kerajaan negeri.

Saya ingin tahu sejauh mana sambutan yang diterima oleh pihak kerajaan sendiri dan reaksi atau tindakbalas daripada negeri-negeri setakat ini berhubung dengan cadangan untuk melantik mufti menjadi salah seorang daripada ahli exco kerajaan-kerajaan negeri. Terima kasih.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memanglah hasrat penyelarasan undang-undang ini adalah untuk memartabatkan undang-undang Islam. Kita tidak boleh menafikannya.

Yang kedua, kerajaan juga bertindak bagi menentukan jawatan-jawatan tertinggi sama ada di jabatan agama Islam ataupun di Mahkamah Syariah bagi menempatkan pegawai-pegawai yang sesuai dan seimbang dengan mahkamah-mahkamah lain yang ada di negara kita.

Yang ketiga, mengenai jawatan mufti hendak diletakkan sebagai ahli exco negeri-negeri. Perkara ini memang banyak telah diperkatakan oleh pihak-pihak yang berkenaan dan perkara ini memang diserahkan kepada pihak negeri yang terlibat. Setakat ini hanya negeri Perlis menjemput mufti turut hadir bersama dalam mesyuarat kerajaan negeri, tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kita juga kedatangan tiap-tiap negeri ialah pengerusi ahli jawatankuasa hal-ehwal agama. Mereka ini memanglah di antaranya menyelaraskan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama di dalam negeri masing-masing. Ini juga kita perlu ambil perhatian bahawa semua kerajaan negeri mengambil berat hal agama. Sebab itulah diwujudkan khas satu jawatankuasa agama tiap-tiap negeri yang dipengerusikan salah seorang daripada exco negeri sebagai pengerusi jawatankuasa hal-ehwal agama tiap-tiap negeri.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah tindakan yang diambil tersebut merangkumi bagi membetulkan kesilapan-kesilapan yang berlaku

seperti kesilapan adanya undang-undang yang diwarisi sejak zaman penjajahan yang dinamakan undang-undang Islam tetapi ianya bukan daripada hukum Islam, seperti kesalahan penzinaan, meminum arak dan lain-lain dan undang-undang Islam yang ditiadakan seperti kesalahan murtad?

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, memang hasrat kerajaan untuk meningkatkan lagi undang-undang Islam. Kalau kita dapati tidak sesuai dahulu kita akan perbaiki pada masa sekarang. Ini memang hasrat dan di antara draf yang telah siap untuk dikemukakan termasuklah Rang Undang-undang Acara Mal, Rang Undang-undang Kanun Acara Jenayah Mahkamah Syariah, Rang Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah, Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah, Rang Undang-undang Keluarga Islam dan Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam. Sudah barang tentu draf ini meliputi semua perkara yang kita ambil kira dari dahulu dan dari pandangan-pandangan sekarang.

Saya percaya kalau sekiranya contoh draf rang undang-undang ini dipersetujui oleh mesyuarat Majlis Raja-Raja, mungkin kita bawa pada bulan Februari tahun hadapan, kita mengharapkan semua negeri menerima draf ini untuk dijadikan undang-undang di negeri masing-masing.

Masalah murtad memang kita akan membuat rang undang-undang khusus mengenai ini dan kita akan bantangkan di sini untuk dibahaskan bagi menentukan masalah yang berkenaan.

'SUKAN KABADI' - PENYERTAAN MALAYSIA DI SUKAN ASEAN

2. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah wajar Malaysia turut sama menyertai dan menghantar peserta untuk acara 'Sukan Kabadi' dalam sukan ASEAN di Thailand tahun hadapan. Ini kerana jika diberi peluang harapan untuk mendapat Pingat Emas adalah cerah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:

Tuan Yang di-Pertua, keputusan bagi atlet sesuatu sukan termasuk sukan kavadi bertanding di temasya sukan seperti Sukan SEA, Asia, Komanwel ataupun Olimpik, adalah bergantung kepada beberapa syarat.

Pertamanya sukan berkenaan mempunyai sebuah badan induk dan ianya mesti bergabung dengan Majlis Olimpik Malaysia. Di samping itu pula, ianya bergantung kepada prestasi atlet sukan berkenaan. Dalam sukan kavadi, kementerian ini dimaklumkan bahawa ianya masih belum lagi bergabung dengan Majlis Olimpik Malaysia yang merupakan syarat utama bagi penyertaan dalam mana-mana pertandingan sukan antarabangsa. Kementerian juga dimaklumkan bahawa di Sukan Asia di Bangkok pada tahun hadapan, acara sukan kavadi bukan merupakan di antara 34 sukan yang dipertandingkan.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pernah sukan kavadi dipertandingkan di peringkat antarabangsa sebelum ini?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sukan kavadi telah pun dipertandingkan di Sukan Asia di Beijing pada tahun 1990 dan di Hiroshima pada tahun 1994.

INTERNATIONAL MONETARY FUND - AMARAN AWAL KRISIS EKONOMI

3. **Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar bahawa International Monetary Fund (IMF) pernah memberikan amaran awal dalam sidang perundingan biasa di antara IMF dengan pegawai-pegawai Kementerian Kewangan setahun yang lepas mengenai kelemahan Malaysia yang terdedah kepada krisis ekonomi, apakah jenis nasihat yang telah diberikan oleh pihak IMF dan sebab mengapa kerajaan tidak bertindak berpandukan nasihat-nasihat berkenaan demi mengelakkan dua krisis mata wang serta pasaran saham yang menimpa negara kita pada bulan Julai dan Ogos tahun ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang dijadual untuk dijawab pada 21 Oktober 1997 memandangkan kedua-dua soalan ini menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, rundingan di antara pihak kerajaan dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) diadakan pada bulan Mei setiap tahun. Pada tahun 1996, IMF berpuas hati dengan kedudukan ekonomi negara serta dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengekalkan kestabilan ekonomi makro dan pertumbuhan yang mapan. IMF telah membuat pemerhatian yang lebih kurang sama semasa rundingan pada tahun ini.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, IMF telah menyifatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia sebagai pertumbuhan yang berkualiti kerana di samping mencatatkan pertumbuhan yang tinggi, asas-asas ekonomi negara adalah teguh dengan paras inflasi yang rendah. Di samping itu, kerajaan sentiasa mengesan kedudukan ekonomi negara dan mengambil langkah-langkah yang sesuai dengan keperluan perkembangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum kegawatan yang dialami oleh pasaran mata wang dan pasaran saham sekarang adalah berpunca daripada krisis yang berlaku di Thailand. Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan bagi menangani perkara ini termasuk menangguhkan projek-projek besar dan mengurangkan perbelanjaan sektor awam. Di samping itu, usaha-usaha selanjutnya sedang dirangka dan kerajaan berkeyakinan dengan kerjasama dan sokongan padu rakyat, insya-Allah, masalah ini akan dapat diatasi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dua bulan dahulu kalau ada orang yang kata bahawa ringgit boleh jatuh sehingga US\$1:RM2.70 atau RM2.80 tidak ada orang yang percaya. Sekarang kalau Ringgit Malaysia jatuh sehingga RM3.50, RM3.60, kalau lagi enam bulan, tujuh bulan lebih jatuh, orang tidak akan hairan. Bukankah ini menunjukkan bahawa ada mengakibatkan satu krisis besar kewangan dan pokok krisis ialah kepercayaan. Penasihat ekonomi, Tun Daim berkata satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah memulihkan kepercayaan, mendengar pandangan-pandangan world bank, economies, pelabur-pelabur tetapi kenapa sekarang nampaknya cara ataupun jalan ini tidak diikuti di mana krisis keyakinan dalam kewangan dan ekonomi lebih rumit. Adakah satu cara lain dijalankan di mana ada perbincangan dengan IMF dan kalau ada apakah hasil dan apakah kepercayaan memulihkan keyakinan pelabur dan ekonomi menjadi tujuan utama kerajaan?

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dua bulan yang lalu juga ada kalangan-kalangan di dalam pasaran mata wang yang mengatakan bahawa satu Dolar Amerika akan ditukar dengan dua ringgit Malaysia. Jadi, kalau Yang Berhormat sebut dua bulan yang lalu kata sampai RM3 tetapi dua bulan yang lalu pun ada banyak di kalangan pelabur di dalam currency market mengatakan bahawa RM2 akan dapat dicapai pada pertukaran dengan satu Dolar Amerika. Persoalan ini krisis yang timbul, bukan timbul di tempat kita, puncanya ialah di Thailand dan usaha-usaha untuk mengikut segala nasihat IMF telah pun dilakukan.

Ingin saya membacakan, kalaulah seperti mana Yang Berhormat dakwakan bahawa apa yang ditegur oleh Michael Kamdisu tahun sudah tidak dilakukan oleh Kerajaan Malaysia tentu di dalam perjumpaan dengan menteri-menteri kewangan di Hong Kong beliau akan mengatakan "there I told you so". Tetapi, apa yang dikatakan di sini dengan saya mengambil petikan "Malaysia is also adapting its already solid macro policies" dan saya ambil lagi, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "but significant further progress has been made in dealing with new challenges, over the last year output growth has moderated to a more sustainable rate and the inflation has remained low. The current account deficit which is primarily the result of strong investment spending has narrowed substantially. Ini daripada perkataan Michael Kamdisu sendiri, "the increased in fiscal surplus targeted for this year is expected to make an important contribution towards consolidating raised achievements. The Malaysian authorities have also emphasised maintaining high standards of bank soundness, non-performing loan ratios of financial institutions have fallen markedly in recent years, risk weighted capital ratios are above basil recommendation and steps have been taken to refrain landing from the property and stock market.

Malaysia was also among the first to subscribe to the fund special data dissemination standard and initiative I will come to in a moment.....” dalam ucapannya. Of course this is satu compliment untuk Kerajaan Malaysia. Jadi, inilah komen ataupun saranan yang dibuat oleh Michael Kamdisu iaitu Presiden IMF yang paling akhir.

Tuan Ruhani bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di dalam satu usaha untuk mengatasi masalah yang kita hadapi adalah menangguhkan projek-projek mega ataupun projek-projek besar. Dalam pada itu terdapat satu atau dua pihak swasta yang terbabit, dia mahu meneruskan juga projek tersebut atas tajaan konsortium-konsortium asing. Apakah tindakan kerajaan terhadap swasta berkenaan?

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang kita sedia maklum, usaha untuk menangguhkan projek-projek besar ini ialah untuk menghindar daripada pembayaran sekelompok yang pasti akan memburukkan lagi keadaan defisit akaun semasa. Jadi, jikalau mana-mana badan yang bukan kerajaan hendak melakukan juga, tentu sekali kerajaan tidak menggalakkannya, sekiranya walaupun ia membelanjakan wangnya sendiri tetapi pada hakikatnya apabila ia menjalankan projek yang besar di dalam satu tahun, maka tahun depan atau tahun depan selepas itu, dia perlu membuat pembayaran yang banyak pada satu kelompok - bunch payment - maka, ianya akan memburukkan defisit akaun semasa. Jadi, ini akan menjejaskan usaha kerajaan untuk membaiki defisit akaun semasa supaya ianya duduk di bawah lima peratus daripada keluaran dalam negara kasar.

SYARIKAT USAHASAMA ATAU FRANCAIS ANTARA BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA - PENYERTAAN BUMIPUTERA YANG BERJAYA

4. **Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan susulan program masyarakat bumiputera untuk menyertai syarikat-syarikat usahasama atau secara francais antara bumiputera dan bukan bumiputera, berapakah jumlah penyertaan bumiputera yang berjaya serta apakah jenis-jenis syarikat yang dijalankan di seluruh negara serta jumlah modal yang dilaburkan.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun 1992, kerajaan telah menganjurkan Kongres Ekonomi Bumiputera ke-3 dan salah satu daripada resolusi yang terbit daripada kongres tersebut ialah untuk menggalakkan usahasama antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Selaras dengan itu, pada pertengahan tahun 1995, kerajaan telah memperkenalkan satu skim pembiayaan bagi menggalakkan bumiputera dan bukan bumiputera bergabung dalam perniagaan.

Skim ini diawasi oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan dikendalikan oleh Dewan-dewan Perniagaan Melayu, Cina dan India dan disertai juga oleh dua puluh institusi kewangan di negara kita. Pada hari ini 50 buah syarikat telah pun menyertai Program Usahasama Tulen antara bumiputera dengan bukan bumiputera, 33 syarikat dalam bidang perkilangan, sembilan pembangunan hartanah dan pembinaan, enam perkhidmatan dan dua dalam perniagaan perdagangan. Selain daripada Program Usahasama Tulen tersebut, di bawah program francais kementerian, ada 23 buah syarikat bukan bumiputera yang telah melantik seramai 65 francais bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, daripada 50 buah syarikat Program Usahasama Tulen yang saya sebutkan tadi, lima telah menarik diri ataupun digugurkan oleh sebab-sebab tertentu. Jadi, hari ini ada 45 buah syarikat yang masih lagi di bawah skim ini. Dari segi modalnya pula, 50 buah syarikat yang bergabung secara usahasama ini, ia melibatkan modal sebanyak RM224.1 juta dan bagi syarikat franchisee yang bergabung tenaga antara bumiputera, dengan bukan bumiputera modal terlibat ialah RM20 juta.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada Yang Berhormat Menteri berpuas hati dengan kejayaan usahasama sebanyak 50 buah syarikat tersebut. Di samping itu juga adakah perjanjian-perjanjian usahasama itu benar-benar menguntungkan kedua-dua belah pihak ataupun 'win-win situation' dan akhir-akhir ini memang saya akui bahawa sistem francais ini amat menguntungkan dan memudahkan seseorang itu melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Jadi, adakah pihak kementerian, saya difahamkan telah memperuntukkan pinjaman. Saya ingin tahu adakah dengan keadaan ekonomi sekarang ini pinjaman itu masih dipertahankan tahap yang diluluskan ataupun diperketatkan syarat-syaratnya dan apakah faedah-faedah yang dikenakan itu dipertingkatkan ataupun masih kekal ke tahap yang diluluskan pada satu ketika dahulu.

Dan akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian mengawasi usahasama dari segi francais ini yang datang dari luar negara ini kerana kadang-kadang mereka mengaut keuntungan balik ke negara mereka dengan 'mengenakan' rakan-rakan kongsi mereka di tanah air kita ini?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ada tiga soalan. Yang pertama berkaitan dengan sama ada kita berpuas hati, kita sudah pasti tidak berpuas hati, masih lagi banyak ruang untuk meningkatkan kerjasama tulen antara bukan bumiputera dan bumiputera. Yang saya sebut tadi ialah usaha-usaha kerajaan, selain daripada usaha kerajaan ada juga usaha antara swasta dengan

swasta iaitu antara mereka sendiri, jadi 50 itu merupakan angka hasil daripada program kerajaan. Sudah pasti ada lagi puluhan usahasama tulen antara bukan bumiputera dan bumiputera hasil daripada tindakan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada ia menguntungkan kedua-dua belah pihak, kita mengawasinya bersama-sama dengan Dewan Perniagaan dan jika tidak menguntungkan kedua-dua belah pihak, maka memang adalah salah satu syarat untuk menyertai Program Usahasama Tulen ini, ia hendaklah menguntungkan kedua-dua belah pihak - syarat utama. Jadi kalau tidak menguntungkan, maka ia tidak qualified di bawah program ini.

Berkaitan dengan francais, setakat ini belum ada lagi pengurangan. Pihak PUNB telah memperuntukkan RM100 juta. Ia telah pun meluluskan satu pinjaman kepada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad berfrancis di bawah kementerian kita adalah di dalam proses mewujudkan satu guarantee fund dan insya-Allah, akan kita perkenalkan pada penghujung bulan ini. Ini kita akan umumkan apabila butir-butir terperinci kita putuskan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan kepada tiga perkara yang dibangkitkan.

KEJATUHAN NILAI MATA WANG RINGGIT - LANGKAH KERAJAAN

5. **Tuan Abdul Aziz bin Yassin [Muar]** minta Menteri Kewangan menyatakan fakta-fakta yang menyebabkan nilai mata wang Ringgit jatuh berbanding dengan nilai mata wang Dollar Amerika dan langkah-langkah yang diambil kerajaan untuk memulihkan semula nilai mata wang Ringgit Malaysia.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar beserta dengan 20 soalan lain tetapi walau bagaimana pun, saya sedia menjawab soalan-soalan lain itu apabila ia naik nanti tetapi apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar ditanya oleh 20 Ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa bulan kebelakangan ini rantau Asia Timur telah mengalami ketidakstabilan dalam pasaran pertukaran mata wang asingnya berikutan pergerakan ketara beberapa mata wang serantau. Sejak bulan Mei 1997, perkembangan yang berlaku di Thailand telah menyebabkan tekanan spekulasi ke atas mata wang di rantau ini. Dalam persekitaran ini, nilai ringgit telah mengalami tahap turun naik yang ketara mencerminkan perkembangan-perkembangan antarabangsa serantau dan juga perkembangan tempatan.

Dalam pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, Dollar Amerika Syarikat dan Pound Sterling telah mengukuh dengan ketara pada sebahagian besar tahun 1997. Ini berlaku walaupun

kedua-dua buah negara ini mengalami defisit akaun semasa yang besar. Pengukuhan kedua-dua mata wang ini adalah disebabkan oleh pemulihan pesat ekonomi Amerika Syarikat dan United Kingdom berbanding dengan suasana pemulihan ekonomi yang perlahan yang dialami di Eropah dan di Jepun. Berikutan perkembangan ini, pengurus dana antarabangsa telah beralih strategi pelaburan mereka dengan meningkatkan jumlah bahagian pelaburan mereka di Amerika Syarikat dan di United Kingdom.

Perkembangan ini telah menggalakkan lagi prestasi pasaran modal di negara-negara tersebut dan turut mengukuhkan mata wang masing-masing. Berikutan daripada perkembangan antarabangsa dan arah aliran yang muncul di Thailand, nilai ringgit mengalami tahap turun naik yang besar. Nilai ringgit menyusut sebanyak 24.4% jika dibandingkan kedudukannya pada akhir tahun 1996 pada paras RM2.5279 kepada RM3.3450 ditukarkan dengan satu Dolar Amerika pada 3 Oktober 1997.

Manakala indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pula telah menyusut sebanyak 35.6% daripada 1,237.96 mata pada akhir tahun 1996 kepada 797.29 mata pada 3 Oktober 1997. Pengisytiharan semua 100 komponen saham komposit BSKL sebagai 'sekuriti ditanda', dengan izin, designated securities pada 28 Ogos 1997 adalah bertujuan untuk melarang kegiatan kontrak kontra ataupun penyelesaian bersih sesuatu pembelian ke atas penjualan berikutnya. Walau bagaimanapun, pada 5 September 1997, peraturan ini telah dimansuhkan memandangkan ia telah pun memenuhi objektifnya. Akan tetapi, peraturan yang tidak membenarkan urusan meminjamkan saham dan jualan singkat, dengan izin short selling, masih lagi berkuatkuasa.

Dalam usaha untuk mengasingkan kesan perkembangan luaran daripada ekonomi tempatan dan bagi mewujudkan dasar kadar faedah berasaskan kepada pertimbangan tempatan, Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan had ke atas urusniaga swap ringgit yang bukan berkaitan dengan perdagangan pada bahagian tawaran dengan pelanggan asing pada 4 Ogos 1997. Setiap bank dikehendaki mematuhi had sebanyak dua juta Dolar Amerika ke atas jumlah keseluruhan urusniaga swap ringgit yang bukan berkaitan dengan perdagangan pada bahagian tawaran dengan pelanggan asing. Bank yang telah melebihi had ini tidak lagi dibenarkan untuk menjalankan urusniaga swap ringgit yang bukan berkaitan dengan perdagangan pada bahagian tawaran dengan pelanggan asing tersebut sehingga jumlah keseluruhan swap telah berkurangan ke tahap di bawah had yang ditetapkan itu.

Langkah ini bertujuan untuk membendung spekulasi ke atas ringgit dan juga bagi memastikan kadar faedah tempatan lebih mencerminkan keadaan tempatan. Pada 31 Julai 1997, Bank Negara

Malaysia juga telah mengeluarkan garis panduan kepada institusi perbankan yang mengkehendaki mereka menghadkan kadar pemberian pinjaman asas (BLR) pada bulan Ogos kepada tahap tertinggi BLR pada bulan Julai 1997. Langkah ini bertujuan bagi menstabilkan keadaan pasaran wang. Berikutan daripada ketidakstabilan kedudukan mata wang baru-baru ini, usaha-usaha sedang diperhebatkan untuk mengurangkan defisit akaun semasa. Dalam hal ini matlamat dasar fiskal adalah untuk mencapai lebih keseluruhan yang lebih besar pada tahun 1998. Di samping itu, penangguhan pelaksanaan beberapa projek besar yang memerlukan komponen import yang tinggi akan membolehkan import dikurangkan dengan serta-merta.

Langkah-langkah khusus bagi mengurangkan tekanan ke atas kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran dalam tempoh yang singkat ini adalah seperti berikut:

1. Menangguhkan beberapa projek infrastruktur yang besar;
2. Membuat potongan menyeluruh sebanyak dua peratus di dalam perbelanjaan kerajaan; dan
3. Menilai semula dan membatalkan sekiranya difikirkan perlu pembelian barangan asing yang banyak oleh agensi-agensi kerajaan dan meningkatkan penggunaan bahan-bahan tempatan dalam projek-projek penswastaaan.

Secara keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, perubahan kadar pertukaran mempunyai kesan yang berbeza ke atas beberapa sektor. Walau bagaimanapun, sebagai dasar negara tidak pernah bergantung ke atas kadar pertukaran untuk mengekalkan daya saing negara. Daya saing negara adalah dari segi kos pengeluarannya yang rendah diperolehi menerusi peningkatan kecekapan dan juga dari segi kualiti keluarannya. Sesungguhnya kelebihan produktiviti bagi Malaysia telah bertambah penting berikutan ekonominya yang telah mencapai tahap gunatenaga penuh.

Penekanan dalam meningkatkan daya saing negara dalam tempoh ke belakang ini adalah dari segi menurunkan kos pengeluaran menerusi peningkatan kecekapan dan memperbaiki kualiti keluaran. Dalam hal ini Malaysia secara amnya telah membenarkan kadar pertukaran yang menggambarkan asas-asas ekonominya. Kadar pertukaran yang fleksibel telah memberi tekanan ke atas pengilang tempatan bagi memperbaiki keluaran melalui penurunan kos pengeluaran mereka.

Perkembangan kewangan terbaru di rantau ini telah memperlihatkan kesan ancaman turun naik kadar pertukaran. Namun demikian, pendirian dasar kita dalam membenarkan kuasa-kuasa pasaran menentukan kadar pertukaran adalah tidak berubah. Penyusutan tahap nilai ringgit baru-baru

ini tidak mencerminkan asas-asas ekonomi negara. Apabila pasaran mula menjadi stabil kelak, arah aliran ringgit akan berubah semula bagi mencerminkan asas-asas ekonomi yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan banyak yang telah diperkatakan dengan jelas dan panjang lebar oleh pihak kerajaan sama ada di dalam negeri, mahupun di forum-forum antarabangsa, maka kerajaan berpendapat adalah tidak perlu dibentangkan kertas putih bagi mendedahkan angkara-angkara yang telah dilakukan oleh spekulator tertentu yang menyebabkan kejatuhan nilai mata wang negara.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat tohmahan terhadap George Soros mengenai peranannya dalam apa yang dialami oleh negara sekarang. Adakah apa-apa bukti bahawa dia ada memainkan peranan penting dalam perkara ini. Kedua, di Hong Kong.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah itu. Satu Yang Berhormat, satu sahaja.

Tuan R. Karpal Singh: Alright.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum dengan pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah membuat apa-apa tuduhan atau tohmahan jikalau tiada bukti. [*Tepuk*] Dan ingin saya nyatakan di sini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat tuduhan itu berasaskan bukti-bukti yang dia ada.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sejauh manakah keadaan ini akan menjejaskan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh dan adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula rancangan tersebut. Terima kasih.

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kesannya kepada Rancangan Malaysia Ketujuh tidaklah begitu ketara dan besar kerana, pertama sekali, Yang Berhormat sedia maklum bahawa hutang ataupun hutang luar Kerajaan Malaysia adalah cukup rendah. Pada tahun hadapan dijangka akan menurun lagi. Jadi, dengan rendahnya hutang luar selalunya kita meminjam wang dari luar ialah untuk pembangunan dan Rancangan Malaysia Ketujuh banyak pembangunan yang hendak kita lakukan. Jikalau hutang luar itu rendah, maka pembayaran balik kepadanya tidak begitu besar kerana dalam keadaan sekarang di mana mata wang kita agak turun dari segi nilainya, jikalau hutang luar negara besar, maka ianya tentu menjejaskan tetapi oleh sebab hutangnya rendah, maka ianya akan memberi sedikit sahaja kesan kepada Rancangan Malaysia Ketujuh.

PENDATANG TANPA IZIN - BILANGAN

6. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan setelah gerakan pemutihan dijalankan setakat manakah bilangan pekerja asing tanpa izin susut. Juga nyatakan kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini selepas gerakan tersebut tamat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak dapat menyatakan bilangan pendatang tanpa izin yang masuk ke negara ini kerana kedatangan mereka adalah secara tidak sah. Oleh yang demikian, tidak dapat dinyatakan sama ada bilangan pekerja asing tanpa izin di negara ini susut atau sebaliknya selepas program pemutihan tamat.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai pekerja asing yang terlatih yang masih belum habis tempoh permit kerja mereka tetapi mereka terpaksa berhenti kerja kerana kilang tersebut ditutup. Jadi, saya ingin tahu sama ada kerajaan boleh menimbangkan supaya kilang yang lain dapat mengambil mereka sebab banyak lagi kilang yang kurang pekerja yang terlatih. Terima kasih.

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya tidak dan kita akan minta supaya kilang-kilang yang berkenaan menghantar pulang pekerja ini dengan belanja mereka sendiri.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun pemutihan telah pun disempurnakan dan sudah pun tamat tempoh, nampaknya kita tidak dapat memberi angka berapa banyak PATI yang ada di negara kita dan sukacita saya mendapatkan penjelasan tambahan, apakah kesan yang kita dapati daripada program pemutihan ini sungguhpun kita dapati angka yang dipersoalkan tidak dapat diberi oleh kementerian. Terima kasih.

Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pemutihan yang kita laksanakan merangkumi lebih kurang 554,941 orang PATI. Yang saya sebut kita tidak dapat pasti tadi ialah jumlah pendatang asing tanpa izin tetapi yang telah kita putihkan ialah lebih kurang 555,000 orang dan kita berharap dengan adanya syarat-syarat yang kita kenakan iaitu majikan-majikan tidak boleh lagi mengambil pendatang-pendatang tanpa izin daripada depot-depot dan mereka ini juga tidak boleh bertukar pekerjaan, kita berharap supaya jumlah mereka yang masuk ke negara kita ini akan dapat kita kurangkan.

JEREBU - SEBAB/LANGKAH KERAJAAN

7. **Datuk Song Swee Guan [Bandar Kuching]** minta Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau menyedari bahawa keadaan jerebu yang ada sekarang adalah disebabkan oleh kegiatan membakar hutan oleh syarikat-syarikat pembalakan dan estet di Indonesia. Jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menghalang syarikat-syarikat sedemikian di Malaysia khususnya di Sarawak, daripada melakukan kegiatan tersebut.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching bersama-sama dengan 52 soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sepertimana yang tercatat dalam Aturcara Urusan Mesyuarat bercetak warna putih memandangkan terdapat persamaan di antara soalan-soalan berikut. Soalan-soalan tersebut dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut. Pada 6 Oktober 1997, Ahli Yang Berhormat

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyakkah sampai 52 soalan yang lain-lain, banyakkah? Ataupun hendak baca kesemua itu? Tidak payah bacalah ya.

Datuk Law Hieng Ding: Tidak payah baca.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah baca sesiapa yang menghantar itu.

Datuk Law Hieng Ding: Beri jawapan sahaja ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh jawab terus.

Datuk Law Hieng Ding: Saya akan beri senarai apa-apa Yang Berhormat itu tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan satu usul mengenai jerebu akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang Mulia ini pada hari ini, saya bercadang untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan itu secara ringkas.

Bagi menjawab soalan-soalan yang menyentuh punca-punca utama jerebu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, punca utama ialah pembakaran besar-besaran hutan untuk tujuan perladangan dan kebakaran liar hutan serta kawasan-kawasan tanah gambut secara berleluasa di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia. Kebakaran ini disemarakkan lagi oleh kesan El-Nino yang telah mengakibatkan musim kemarau yang berpanjangan. Dari maklumat yang diterima adalah dianggarkan 1,000 kejadian kebakaran di Indonesia yang meliputi kawasan seluas 800,000 hektar.

Walaupun terdapat sumber dalaman, namun ia tidak merupakan punca utama jerebu yang melanda negara kita kali ini. Dalam hubungan ini terdapat.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat hendak mengambil bahagian di dalam perbahasan usul bersangkutan dengan apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan perkara yang sama?

Datuk Law Hieng Ding: Tidak ada. Saya ambil sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yang ambil pun saya rasa lebih baik dijawab di situ kerana Ahli-ahli yang lain akan mengeluarkan pertanyaan-pertanyaan yang lain-lain lagi. Dengan demikian saya membenarkan Yang Berhormat supaya jangan membaca dan biarlah kita masuk kepada perkara yang lain. Janganlah dibacakan pada sekarang ini.

Datuk Law Hieng Ding: Saya bersetuju, terima kasih.

PROJEK-PROJEK BESAR - PENANGGUHAN

8. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Perdana Menteri menyatakan nama projek-projek besar yang dicadangkan penangguhan pelaksanaan kerana keadaan ekonomi negara yang kian merosot. Sila beritahu tarikh kerja-kerja akan dimula dan disiapkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersamaan dengan soalan nombor 19 pada hari ini daripada Yang Berhormat Kepong kerana jawapan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengumumkan penangguhan beberapa projek besar iaitu:

<u>NAMA PROJEK</u>	<u>ANGGARAN KOS</u>
(a) Projek Hidro Elektrik Bakun	RM 15.0 bilion
(b) Projek Liner City	RM 10.0 bilion
(c) Northern Airport	RM 4.0 bilion
(d) Projek Lebuhraya Pergunungan	RM 4.0 bilion

Sukacita ditegaskan bahawa projek berkenaan adalah dilaksanakan secara penswastaaan. Ianya tidak melibatkan peruntukan daripada kerajaan, manakala pelaksanaannya melibatkan satu tempoh yang panjang. Namun penangguhannya dijangka akan dapat melegakan tekanan kepada sumber kewangan negara dan mengurangkan tukaran wang asing di masa hadapan. Bagi program dan projek sektor awam di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh yang belum dilaksanakan, kerajaan sedang

menelitinya. Kerajaan akan menangguhkan projek-projek yang mempunyai kandungan import yang tinggi seperti pembelian peralatan tentera dan polis. Namun bagi projek-projek pendidikan dan latihan, kesihatan, pembangunan sosio ekonomi terutamanya untuk program membasmi kemiskinan dan pembangunan luar bandar, ianya akan tetap diteruskan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada projek lingkaran luar bandar di Pulau Pinang dan Butterworth akan diteruskan atau akan ditangguhkan iaitu Penang and Butterworth outer ring road.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Untuk projek-projek yang terperinci saya tidak ada maklumat, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kerajaan untuk memotong ataupun mengurangkan projek-projek yang tidak diperlukan tetapi mungkin ada dua, tiga perkara yang menteri terlupa. Contohnya Tuan Yang di-Pertua ialah di Bosnia, keadaan keselamatan telah pulih, jadi adakah kita akan terus membantu dari segi ketenteraan supaya duit yang kita hantar itu boleh kita perbetul balik dalam negara kita dan kedua, Tuan Yang di-Pertua adakah kerajaan ingin

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah satu, cukuplah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, dia sambungan Tuan Yang di-Pertua, annexment...

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat sekarang, satu sahaja soalan yang boleh dikemukakan. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Ketawa]* Tidak ada sambung.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Annex pun tidak boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehlah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak boleh tidak apalah. Saya akur pada perintah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Bosnia, Kementerian Pertahanan sedang berbincang dengan agensi United Nation ataupun dengan - apa itu? *[Bertanya sesuatu kepada Ahli Yang Berhormat dari Pulau]* *[Ketawa]* satu

agensi Eropah, pertubuhan negara-negara Eropah berkenaan dengan masalah ketenteraan untuk tahun hadapan.

CUTI SEKOLAH - PERTUKARAN TARIKH

9. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada ianya berdaya maju untuk:

- (a) menukarkan tarikh permulaan tempoh sekolah dari 19.5.98 kepada 9.5.98, iaitu seminggu lebih awal daripada apa yang telah dirancangan; dan
- (b) memberikan cuti sekolah selama seminggu di antara tempoh sekolah dari 18.5.98 kepada 3.9.98, oleh kerana tempoh itu terlalu lama.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah penggal persekolahan 1998 telah digubal dengan mengambil kira hari-hari kelepasan am Persekutuan dan hari-hari kelepasan am negeri-negeri. Pada tahun 1998, Malaysia juga akan menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel XVI dan ini telah diambil kira dalam penggubalan jadual persekolahan. Tarikh-tarikh persekolahan dan cuti penggal untuk tahun 1998 telah ditetapkan setelah mendapat pandangan dan persetujuan daripada pelbagai pihak. Ianya tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran murid-murid di sekolah-sekolah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew.

[Soalan No. 10 - Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu) tidak hadir]

'MILLENIUM BUG' - LANGKAH KERAJAAN MENGATASI KOS

11. **Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan khususnya kementerian berkaitan bagi mengatasi kos atau beban tambahan kepada pengguna akibat perbelanjaan RM8 bilion sektor kerajaan dan swasta bagi keperluan untuk mengatasi masalah "Millenium Bug" bagi menghadapi masalah perisian, program dan perkakasan komputer. Dan setakat ini adakah wakil-wakil pihak pengguna telah dipanggil untuk mengadakan perbincangan bagi mencari jalan yang sesuai untuk mengatasi sebarang masalah yang dijangka akan berlaku.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani masalah millenium bug termasuk usaha untuk menentukan tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi masalah kos atau beban tambahan kepada pengguna, dua kumpulan bertindak telah ditubuhkan di tahap Persekutuan. Majlis Bertindak Teknologi Maklumat Negara telah mewujudkan satu Pasukan Petugas Year 2000 Problem yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr. Prof. Omar bin Abdul Rahman - Penasihat Sains kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pasukan Petugas Year 2000 Problem akan mengemukakan laporan mereka kepada Urusetia Majlis Teknologi Maklumat Negara sebelum 1 November 1997.

Bagi menangani masalah millenium di sektor awam pula, MAMPU selaku Urusetia 'Electronic Government' dan urusan pengkomputeran jabatan dan agensi kerajaan telah mewujudkan Jawatankuasa Khas Millenium. Bidang rujukannya adalah seperti berikut:

- (a) meneliti skop masalah yang akan dihadapi oleh pemasangan komputer sektor kerajaan;
- (b) merangka tindakan yang perlu diambil untuk mengatasi tahun 2000; dan
- (c) menentukan kos keseluruhan bagi mengatasi masalah millenium tersebut.

Wujudnya pasukan petugas Year 2000 Problem di Majlis Teknologi Maklumat Negara dan Jawatankuasa Khas Millenium di MAMPU, usaha mengatasi millenium sedang diatasi di dua tahap, di peringkat sektor awam dan negara.

MAKANAN/BERAS - CORAK PENGELUARAN/PENGGUNAAN

12. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) corak pengeluaran dan penggunaan makanan di negara kita; dan
- (b) buat masa ini, adakah pengeluaran beras di negara kita mencukupi untuk penggunaan diri sendiri dan apakah kedudukannya pada tahun 2000.

Menteri Pertanian [Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penggunaan makanan utama di negara kita telah bertambah pada tahun 1996 berbanding dengan tahun sebelumnya. Permintaan terhadap semua komoditi makanan dari pertanian kecuali daging khinzir telah mencatat kenaikan. Pada keseluruhannya penggunaan dianggarkan sebanyak 4%. Selaras dengan peningkatan kesedaran terhadap kesihatan, makanan yang berkhasiat dan berprotein tinggi di kalangan penduduk tempatan, hasil perikanan telah mencatat kenaikan penggunaan tertinggi sebanyak 6.2%. Ini diikuti oleh hasil tanaman yang terdiri daripada beras, buah-buahan, sayur-sayuran yang mencatat peningkatan penggunaan sebanyak 3.8%, manakala penggunaan hasil ternakan yang merangkumi daging ayam, khinzir, lembu, kambing, susu dan telur telah meningkat sebanyak 3.5%.

Dari segi pengeluaran komoditi makanan utama pula, strategi-strategi dan program-program yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan telah mendatangkan pertambahan hasil pengeluaran pertanian negara. Adalah dianggarkan pengeluaran telah meningkat pada tahun 1996 berbanding dengan tahun sebelumnya. Purata kadar

kenaikan bagi keseluruhan komoditi adalah sebanyak 3.3%. Dan hasil ternakan telah mencatat pertambahan tertinggi sebanyak 4%. Ini diikuti oleh pengeluaran perikanan sebanyak 3.6% melalui perikanan laut dalam dan akuakultur, manakala pengeluaran tanaman telah meningkat sebanyak 3.1%.

Jika dibandingkan di antara pengeluaran dengan penggunaan bagi kesemua komoditi makanan utama hanya daging ayam, khinzir dan telur yang telah menunjukkan pengeluaran melebihi penggunaan pada tahun 1996. Walau bagaimanapun, memandangkan pengeluaran bagi komoditi-komoditi lain adalah kurang daripada permintaan, negara terpaksa mengimport bahan-bahan ini. Menyedari hakikat ini, Kementerian Pertanian akan melipatgandakan usaha untuk terus mengurangkan jurang perbezaan di antara penawaran dengan permintaan terhadap komoditi makanan utama dari hasil pertanian agar keperluan negara sentiasa dipenuhi.

- (b) Pada masa ini pengeluaran beras negara kita adalah tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat. Tahap sara diri bagi beras buat ketika ini dianggarkan sebanyak 76%. Ini bermakna, negara terpaksa mengimport beras untuk menampung pengeluaran yang tidak mencukupi. Pengeluaran beras negara akan terus bertambah pada kadar 1% setiap tahun dari 1.4 juta tan metrik tahun 1996 kepada 1.5 juta tan metrik tahun 2000. Namun demikian, peningkatan ini tidak akan dapat menampung pertambahan penggunaan beras akibat pertambahan penduduk. Penggunaan beras dijangka akan meningkat pada kadar 1.8% setahun iaitu dari 1.8 juta tan metrik pada tahun 1996 kepada 2 juta tan metrik pada tahun 2000. Ini bermakna, tahap sara diri bagi beras akan turun kepada 74%. Anggaran ini dibuat berdasarkan kekangan pengeluaran seperti kekurangan tanah dan tenaga buruh yang dihadapi oleh industri ini menjelang akhir abad ini.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan nilai ringgit telah menurun lebih kurang 30% dibandingkan dengan dolar Amerika Syarikat, apakah langkah-langkah akan diambil untuk mengurangkan makanan 'pagi petang' supaya defisit akaun semasa boleh dikurangkan?

Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Minta maaf, adakah Yang Berhormat kata mengurangkan makanan 'pagi petang'? Saya tidak dengar.

Dr. Yap Yit Thong: Makanan import.

Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Oh, makanan import, minta maaf. Salah dengar tadi, jerebu! [*Ketawa*] Tidak berlaku di Sarawak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sepertimana kita sedia maklum, kerajaan telah pun membuat ketetapan supaya kita mengurangkan import, meningkatkan eksport. Dalam soal ini Kementerian Pertanian telah mengambil beberapa tindakan, di antaranya baru-baru ini kita telah pun mengadakan satu mesyuarat dengan Ahli-ahli Exco Pertanian Negeri supaya kita dapat bekerjasama menghasilkan lebih banyak lagi makanan terutama sekali makanan sayur-sayuran, buah-buahan, beras dan juga ternakan, juga perikanan dan langkah-langkah tertentu secara terperinci telah pun kita kemukakan untuk dipertimbangkan oleh negeri masing-masing.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa tahap sara diri untuk beras adalah setakat 76% sahaja. Apakah kesan yang akan dialami ke atas masalah beras dalam aspek harga dan juga dari segi pengeluaran akibat masalah yang kita alami oleh kerana krisis jerebu dan krisis penurunan mata wang asing dari segi jumlah kos mengimport beras dan juga adakah pengeluarannya akan dikurangkan kerana pancaran matahari yang berkurangan dalam keadaan yang berjerebu ini.

Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Kosnya mungkin meningkat sedikit. Walau bagaimanapun, kita berusaha untuk meningkatkan pengeluaran kita sendiri walaupun kita ini merupakan sebuah negara yang high cost producer, dengan izin tetapi kita akan meningkatkan produktiviti dan kita berharap dengan cara begini kita dapat mengurangkan kerugian kepada kita.

Mengenai kesan jerebu terhadap tanaman ini, setakat ini belum ada satu kepastian tentang kesan yang begitu negatif terhadap pengeluaran ini tetapi sungguhpun saya sangka mestilah ada sedikit oleh kerana ini ada kaitan dengan cahaya matahari atau melibatkan photosynthesis, bahkan pihak MARDI sedang membuat kajian dalam soal ini.

SEKOLAH MENENGAH BERASRAMA DI DAERAH TENOM - CADANGAN TAPAK PEMBINAAN

13. **Tuan Radin Malleh [Tenom]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada cadangan tapak sekolah menengah berasrama di daerah Tenom akan didirikan di Kg. Cinta Mata atau di Kg. Entabuan, kerana jawapan menteri pada 22 Jun 1995 adalah di Kg. Cinta Mata yang mempunyai keluasan 37.29 ekar sementara pada 22 Julai 1997 dinyatakan pula di Kg. Entabuan; dan
- (b) bila sebenarnya sekolah berkenaan akan mula dibina kerana keperluan dan permintaan adalah mendesak sekali.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tiada terdapat perubahan dari segi lokasi tapak bagi projek sekolah menengah harian berasrama di Daerah Tenom. Perubahan yang berlaku hanyalah pada nama iaitu dari SMK Cinta Mata kepada SMK Entabuan kerana tapak projek tersebut adalah terletak di Kampung Entabuan. Cadangan projek sekolah menengah di Daerah Tenom ini adalah sebenarnya sekolah menengah harian berasrama dan bukan sekolah berasrama penuh.
- (b) Kementerian Pendidikan amat maklum keperluan yang mendesak bagi projek ini. Sehubungan dengan itu sekolah berkenaan akan mula dibina pada Januari 1998 dan dijangka siap pembinaan sebelum Disember 1999.

**PROJEK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DI SRI AMAN -
BILANGAN**

14. Tuan Jimmy Donald [Sri Aman] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan jumlah projek di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang telah diluluskan oleh kementerian beliau bagi tahun 1995, 1996 dan 1997 di Bahagian Sri Aman. Dari kesemua projek itu sila nyatakan bilangan yang belum siap dan yang tertunda dan sebab-sebab perkara itu berlaku dan apakah rancangan-rancangan kementerian bagi tahun 1998 untuk kawasan itu.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tahun 1995 sehingga 1997, sejumlah 400 projek pembangunan luar bandar telah dan sedang dilaksanakan di Bahagian Sri Aman, Sarawak. Daripada bilangan tersebut, projek yang belum siap dan sedang dalam pelaksanaan ialah 10. Projek ini dijangka dapat disiapkan pada akhir tahun ini atau awal tahun 1998. Pelaksanaan projek-projek ini melibatkan peruntukan sejumlah RM7.11 juta. Projek-projek yang dilaksanakan di Bahagian Sri Aman ialah projek pembasmian kemiskinan, pembangunan tanah, pembangunan prasarana asas dan pembangunan masyarakat. Kementerian juga akan meneruskan pelaksanaan projek-projek pada tahun 1998.

PENYAKIT AKIBAT UDARA BERJEREBU - BILANGAN KES

15. Dr. Ramli bin Taib [Kemaman] minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah peningkatan kes-kes penyakit yang berkait atau disebabkan oleh udara yang berjeribu sekarang yang dilaporkan di hospital-hospital seluruh negara dan apakah kes-kes ini; dan
- (b) adakah Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang digunakan mencukupi untuk menentukan kualiti udara di negara ini. Apakah risiko jangka panjang yang akan ditanggung oleh orang ramai terutama kana-kanak dalam keadaan IPU yang direkodkan sekarang dan apakah langkah-langkah kementerian untuk menangani masalah ini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan 12 pertanyaan lagi mengenai isu-isu yang sama yang dibangkitkan oleh 7 Ahli-ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat (6.10.97), Teluk Kemang (7.10.97), Julau (7.10.97), Petaling Jaya Utara (9.10.97), Tanjung Aru (9.10.97), Senai (14.10.97) dan Bagan Serai (12.11.97).

- (a) Tuan Yang di-Pertua, kes-kes penyakit yang berkait atau yang disebabkan udara berjerebu yang dilaporkan di hospital-hospital seluruh negara adalah penyakit jangkitan pernafasan, dengan izin, acute respiratory infections, asthma dan radang selaput mata atau conjunctivitis.

Berdasarkan data kedatangan harian pesakit ke Hospital Kuala Lumpur, peratus peningkatan kes-kes penyakit yang disebut di atas dalam tempoh 1 Ogos 1997 hingga 30 September 1997 ketika mana keadaan jerebu berlaku adalah seperti berikut:

- (i) penyakit asthma di kalangan dewasa meningkat sebanyak 65%, manakala di kalangan kanak-kanak meningkat sebanyak 66%;
- (ii) penyakit jangkitan saluran pernafasan, dengan izin, upper respiratory tract infections di kalangan dewasa meningkat sebanyak 22%, manakala di kalangan kanak-kanak meningkat sebanyak 11%; dan
- (iii) penyakit conjunctivitis di kalangan dewasa meningkat sebanyak 61%, sementara bagi kanak-kanak pula peningkatan adalah sebanyak 44%.
- (b) Indeks Pencemar Udara (IPU) yang digunakan sekarang ditentukan oleh Jabatan Alam Sekitar dan diterimapakai di negara ini sebagai piawai pencemaran udara di negara ini. Risiko jangka panjang terhadap kesihatan orang ramai terutamanya golongan yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bergantung kepada tempoh pendedahan dan paras daripada bahan-bahan yang terdapat dalam jerebu. Ini kerana setiap daripada bahan yang terkandung dalam jerebu tersebut mempunyai paras pendedahan yang dibenarkan kepada orang ramai yang berbeza-beza berdasarkan kepada tempoh pendedahan.

Oleh kerana itu, pihak kementerian telah mengambil langkah mengurangkan tempoh pendedahan kepada jerebu dengan menasihatkan golongan-golongan berisiko tinggi seperti kanak-kanak dan pengidap penyakit jantung dan respiratory supaya tinggal dalam rumah bila paras IPU menunjukkan tidak sihat atau memakai penutup hidung sekiranya mereka perlu keluar dari rumah. Untuk itu, Kementerian Kesihatan telah meminta kerjasama Kementerian Penerangan untuk menyiarkan nasihat dan panduan kesihatan dan keselamatan kepada rakyat di semua stesen televisyen dan radio.

Di samping itu juga, risalah mengenai kesan jerebu kepada kesihatan telah diedarkan kepada semua media elektronik dan media cetak untuk disiarkan kepada masyarakat umum. Pihak kementerian juga telah mengarahkan semua kakitangan di peringkat negeri dan daerah untuk memberikan pendidikan kesihatan kepada masyarakat setempat melalui ceramah dan pengedaran risalah-risalah berkaitan dengan jerebu. Maklumat dan nasihat mengenai kesan jerebu juga terdapat dalam homepage Jabatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia. Pihak kementerian juga menggesa pembakaran secara terbuka daripada hutan, kenderaan dan kilang dihentikan dengan segera bagi memastikan paras bahan-bahan yang terdapat dalam jerebu tidak melebihi dari piawaian yang telah ditetapkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu agak lengkap sedikit tetapi belum lagi membayangkan keadaan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: New hair style, ha!

Seorang Ahli: Mr. Bean.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Nampaknya semua ini suka jerebu. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengadakan satu keseragaman (standard) untuk API ini supaya rakyat di rantau ini yang dilanda jerebu ini dapat mengetahui keadaan yang sebenarnya. Dan juga adakah Yang Berhormat sedar bahawa walaupun kita ada di dalam Dewan yang mulia ini tetapi udara yang kita sedut masuk ke dalam saluran pernafasan dan paru-paru kita serupa sahaja dengan yang

di luar. Kalau kita tidak mahu serupa sahaja, kita mesti gunakan alat-alat filter yang lebih canggih, tidak tahulah harga yang akan dibelanjakan untuk Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalnya?

Dr. Tan Seng Giaw: Soalnya sudah ada dua tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah begitu.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup ya. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan bahawa API yang kita gunakan adalah yang direkomenkan oleh pihak World Health Organisation dan itu memanglah dijadikan sebagai standard piawai yang kita gunakan seperti yang kita biasa lihat daripada indikator yang digunakan dalam media televisyen bahawa paras-paras yang diberi ukuran untuk dijadikan sebagai indikator kepada paras kesihatan ialah 0 hingga 50 yang dikatakan 'baik', 51 hingga 100 dikatakan 'sederhana', 101 hingga 200 dikatakan 'tidak sihat', 201 hingga 300 'sangat tidak menyihatkan' dan sebagainya yang biasanya diberi ukuran seperti yang kita gunakan mengikut cadangan daripada World Health Organisation yang digunakan juga oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Berkenaan dengan penggunaan topeng selain daripada mengurangkan diri didedahkan berasaskan kepada jangka masa pendedahan, kita telah menasihatkan bahawa ada lima perkara yang dipantau ataupun dikesan melalui IPU indikator ini iaitu:

- (i) PM-10 ataupun particulate matter iaitu zarah terampai yang berukuran kurang daripada 10 mikron;
- (ii) gas sulfur dioksida;
- (iii) nitrogen dioksida;
- (iv) karbon monoksida; dan
- (v) ozon.

Namun demikian, yang biasa kita buat ukuran ialah PM-10 atau particulate matter yang biasa melebihi daripada paras yang ditetapkan. Kementerian Kesihatan setakat ini memberi cadangan supaya menggunakan topeng atau mask yang dicadangkan oleh Department of Occupation Safety and Health (DOSH) yang biasanya digunakan di tempat kerja ataupun yang berjenama Gersen. Namun demikian, kalau hendak lebih canggih, itu biasanya digunakan oleh mereka yang terlibat dalam membuat usaha-

usaha seperti yang digunakan oleh pegawai bomba sekarang ini iaitu respirator, iaitu alat yang lebih canggih. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini ada kesan jerebu seperti yang dinyatakan tadi?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, tidak, kerana mereka semua sihat.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak payah pakai topeng.

Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 32 akan dijilid dalam buku berasingan]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Bencana Jerebu

3.40 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya dimaklumkan bahawa menurut Peraturan 18(2), saya mengeluarkan pemberitahuan ini untuk mengemukakan usul seperti berikut, sebab saya pun tidak tahu akan ada usul oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang berikutnya.

Bahawa.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jikalau sekiranya sekarang Yang Berhormat tahu, adakah Yang Berhormat hendak tarik balik?

Beberapa Ahli: Tarik balik!

Dr. Tan Seng Giaw:

Bahawa Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen kawasan Kepong mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis ini dengan tujuan hendak merundingkan

perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan untuk bicara dari hal Bencana Jerebu atau Asbut.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, jerebu yang berpunca dari kebakaran hutan, lahan dan gambut di Indonesia telah melanda negara ini, Singapura, Brunei dan Thailand hampir setiap tahun selama lebih satu dekad. Kali ini adalah paling teruk sehingga keadaan darurat diisytiharkan di Sarawak pada 19 September, tahun ini untuk 10 hari. Pada tahun-tahun 1990, 1991 dan 1994, krisis-krisis jerebu pernah berlaku. Misalnya, pada tahun 1991, kerajaan telah mengumumkan keazaman untuk memberhentikan jerebu bagi selama-lamanya.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, darurat jerebu berakhir buat sementara sahaja disebabkan tiupan arah angin yang berubah. Menurut Jabatan Alam Sekitar, rakyat dijangka menghadapi masalah jerebu sekali lagi jika tiupan arah angin secara tidak tetap melanda negara ini. Cuaca dan tiupan angin ini adalah bergantung juga kepada fenomena El-Nino, perubahan luar biasa cuaca di Selatan Pasifik.

Ketiga, para pakar dari Indonesia dan antarabangsa telah memaklumkan kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengenai kebakaran hutan di Indonesia, yang dijangka bertambah buruk kerana keadaan cuaca kering. Malahan, kebakaran gambut atau rawa gambut mungkin akan berterusan untuk bertahun-tahun.

Keempat, dalam beberapa tahun ini langkah-langkah yang diambil oleh Indonesia adalah tidak memuaskan. Adalah baik Malaysia (dan negara-negara lain) menghantar lebih 100 orang untuk membantu memadam kebakaran hutan, lahan dan gambut.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, 1,000 orang.

Dr. Tan Seng Giaw: 1,000 orang, ya - menghantar lebih 1,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya pun tidak tahulah buat apa di situ.....

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: .Buat apa di situ?

Seorang Ahli: Padam apilah!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Buat kerja.

Dr. Tan Seng Giaw:.....hantar lebih 1,000 orang untuk membantu memadamkan kebakaran hutan, lahan dan gambut di Indonesia. Kementerian Kesihatan telah memainkan peranan untuk

menjaga rakyat yang sakit akibat jerebu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tetapi semua ini tidak mencukupi.

Kelima, Timbalan Perdana Menteri mengakui bahawa masalah jerebu sememangnya menimbulkan kesan seperti menjejaskan kesihatan awam dan ekonomi kepada Malaysia dan beberapa negara jiran. Beliau berkata bahawa ia perlu ditangani dengan cara yang baik agar tidak timbul masalah dalam hubungan yang sedia terjalin.

Memang kita menginsafi.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu bukan di dalam usul Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila baca, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Kita nampak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri asyik dan prihatin kepada perkara ini, sebab itulah.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu pun tidak ada di dalam usul ini, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, keenam, maklumat yang diumumkan oleh kerajaan adalah tidak lengkap. Indeks Pencemaran Udara adalah dikhuatiri oleh awam sebagai tidak membayangkan keadaan sebenarnya. Kemudahan-kemudahan untuk rawatan pesakit-pesakit akibat jerebu adalah tidak mencukupi. Isi kandungan jerebu itu tidak diketahui. Kesan-kesan ke atas orang ramai sama ada penyakit-penyakit pernafasan, jantung dan kanser belum dikaji dan diumumkan. Walaupun disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masalah tuntutan pampasan dari Indonesia untuk kerugian berpuluh-puluh bilion ringgit perlu dijelaskan kerana desakan rakyat.

Ketujuh, Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya telah mengemukakan usul mengenai jerebu, tetapi usul ini terletak di nombor 9 dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul. Ini bermakna setakat ini, perkara ini tidak akan disegerakan. Saya sebutkan di sini sebelum saya tahu usul akan dibentangkan.

Memandangkan bencana jerebu adalah perkara yang tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai, yang berkehendak disegerakan, saya berharap Tuan Yang di-Pertua akan menerima permintaan ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahuan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Kepong pada 4 Oktober 1997, jam 12.52 tengah hari. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu menepati tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) ia adalah berkepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan usul ini juga pada fikiran saya perlu disegerakan. Tetapi oleh sebab ada sebuah lagi usul yang dibentangkan di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang maksudnya adalah lebih kurang sama dengan usul Yang Berhormat dari Kepong dan yang akan dibahaskan selepas sahaja dari usul ini, maka pada fikiran saya lebih baik usul Yang Berhormat dari Kepong itu tidak dibahaskan. [*Tepuk*] Tambahan lagi, usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh dibahaskan dengan seluas-luasnya lebih daripada satu jam, tidak seperti usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) masa perbahasannya adalah terhad kepada satu jam sahaja dan ditangguh hingga jam 5.30 petang pula. Perkara seperti ini pada fikiran saya perlu masa yang lebih dari satu jam untuk dibahaskan.

Selain daripada itu, usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini diterima lebih awal, iaitu pada 3 Oktober dan usul daripada Ahli dari Kepong pada 4 Oktober. Mengikut Peraturan Mesyuarat 15(1), urusan kerajaan hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. [*Tepuk*]

USUL

Bencana Jerebu - Pelan Tindakan Mengatasi

3.48 ptg.

Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan usul yang berbunyi:

BAHAWA, Dewan ini memandang berat akan masalah jerebu merentas sempadan yang melanda rantau ini pada masa ini, khususnya betapa serius impaknya ke atas negara dari segi alam sekitar, ekonomi, sosial dan kesihatan rakyat serta ancaman dan gangguan kepada pengangkutan udara dan laut;

MENGAMBIL MAKLUM akan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa untuk menangani masalah ini dan kerjasama yang telah diberikan kepada Indonesia;

MELAHIRKAN penghargaan terhadap tindakbalas yang telah ditunjukkan oleh masyarakat antarabangsa dan organisasi-organisasi pelbagai hala untuk membantu negara-negara di rantau ini yang dilanda bencana alam sekitar yang di luar jangkaan ini.

DENGAN INI mengambil ketetapan seperti berikut:

MENYOKONG inisiatif yang diambil oleh Indonesia untuk melaksanakan langkah-langkah baikpulih yang lebih berkesan di negaranya untuk memadam kebakaran hutan dan tanah serta mewujudkan langkah-langkah yang lebih berkesan untuk mencegah berulangnya perkara ini di masa-masa akan datang;

MENYOKONG usaha kerajaan untuk meneruskan apa juga kerjasama yang dapat diberikan kepada Indonesia untuk membantu negara tersebut menangani masalah jerebu masa ini;

MENYOKONG inisiatif kerajaan supaya membawa perkara ini ke peringkat tertinggi kerajaan negara-negara ahli ASEAN untuk segera mengadakan tindakan bersama supaya satu pelan tindakan dan kerjasama dapat dilaksanakan;

MENYOKONG masyarakat antarabangsa dan organisasi pelbagai hala untuk bertindakbalas dengan lebih positif dalam membantu menangani bencana alam ini;

MENGINGATI rakyat supaya berwaspada dan sentiasa mengikuti panduan yang diberikan oleh kerajaan dalam menghadapi masalah jerebu ini dan mengelakkan daripada menceburi aktiviti-aktiviti seperti pembakaran terbuka yang boleh mencemarkan alam sekitar;

MENYOKONG tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1991 negara telah mengalami masalah pencemaran udara yang dikenali sebagai gejala jerebu, tetapi jerebu yang melanda kita pada tahun ini adalah luar biasa dan yang paling parah. Mulai 17 Julai 1997, bacaan Indeks Pencemaran Udara di beberapa tempat Semenanjung Malaysia dan Sarawak meningkat ke tahap merbahaya sehingga menyebabkan Perdana Menteri mengadakan mesyuarat tergempar dan mengisytiharkan Darurat Jerebu bagi negeri Sarawak.

Punca utama jerebu pada kali ini adalah kebakaran hutan, kawasan pertanian, tanah-tanah gambut di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia. Kawasan terlibat dalam kebakaran dianggarkan seluas 800,000 hektar.

Faktor-faktor dalaman seperti pembakaran terbuka, pelepasan asap oleh kenderaan bermotor dan kilang-kilang turut menyumbang kepada jerebu tetapi pada kadar yang rendah. Fenomena El-Nino yang berlaku pada masa kini mengakibatkan musim kemarau berpanjangan. Mengikut pakar-pakar ramalan cuaca, fenomena El-Nino pada tahun ini adalah yang paling serius pernah berlaku.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah sejak tahun 1990 di peringkat serantau melalui forum East ASEAN Senior Official On Environment (EASOE) telah berusaha mendapat kerjasama semua negara ASEAN, khasnya Indonesia untuk memperkukuh langkah pencegahan. Pada tahun 1995, Kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif mengadakan persidangan peringkat ASEAN bagi merumuskan strategi menangani pencemaran merentasi sempadan, khususnya masalah jerebu. Hasilnya, satu pelan menangani pencemaran merentasi sempadan (transboundary pollution) bagi negara ASEAN telah disiapkan. Malaysia juga telah berusaha melalui ASEAN Institute of Forest Management untuk merangka Pelan Pengurusan Kebangsaan Hutan bagi negara-negara ASEAN, termasuk sistem pengesanan awal tentang kebakaran hutan. ASEAN Specialised Meteorological Centre yang berpusat di Singapura mempunyai kemudahan untuk tujuan pengesanan awal itu. Semenjak itu, Malaysia terus berusaha berulang kali menyusul perkara ini melalui kumpulan kerja ASEAN mengenai pencemaran merentasi sempadan dan mesyuarat rasmi dan tidak rasmi di peringkat Menteri Alam Sekitar ASEAN. Baru-baru ini di mesyuarat ASEAN Senior Officials mengenai environment pada 8 hingga 10 September di Cebu, Filipina, mesyuarat rasmi peringkat Menteri ASEAN di Jakarta, Malaysia telah mengemukakan pendirian yang tegas tentang langkah yang perlu diambil oleh negara-negara ASEAN, termasuk mewujudkan perjanjian serantau bagi menangani jerebu khususnya bagi negara Indonesia.

Di peringkat kebangsaan, kerajaan telah membuat persediaan untuk mengawal punca-punca domestik yang menyumbang kepada episod jerebu ini. Satu Pelan Tindakan Udara Bersih telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri pada akhir tahun 1994 dan kini ianya dilaksanakan secara berperingkat. Pada tahun 1996, kawalan ke atas pelepasan asap dan kenderaan bermotor disel dan petrol telah diperkenalkan. Penguatkuasaan juga telah ditingkatkan termasuk melalui pindaan ke atas Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dibuat pada bulan Ogos 1996 untuk memperkukuh kawalan punca pencemaran dan mengenakan penalti yang tinggi.

Satu Jawatankuasa Kebangsaan Jerebu telah diwujudkan untuk menyelaras tindakan menangani jerebu oleh semua agensi terlibat sepertimana yang digariskan dalam Pelan Tindakan Jerebu semenjak kejadian jerebu tahun 1994 lagi. Kerajaan juga telah mengambil tindakan menswastakan program pengawasan kualiti udara bagi mengukur tahap pencemar habuk yang kurang dari 10 mikron sulfur dioksida, nitrogen dioksida, karbon monoksida dan ozon dalam udara. Malaysia adalah di antara sebilangan kecil negara di dunia yang mengukur paras habuk kurang dari 10 mikron, iaitu habuk yang mempunyai implikasi kepada kesihatan manusia. Kini terdapat 27 stesen kualiti udara yang beroperasi dan kerajaan sedang merancang untuk menambah 23 stesen lagi tahun hadapan.

Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar mulai 17 Julai 1997 hingga 1 Oktober, sebanyak 1,656 lawatan pemeriksaan telah dijalankan untuk mengesan pembakaran terbuka. 346 kes undang-undang telah diambil ke atas pihak yang didapati melakukan kesalahan pencemaran dan 279 kempen telah dijalankan untuk pemeriksaan ke atas kenderaan yang melepaskan asap hitam. Walau bagaimanapun, semasa episod jerebu ini, tindakan yang paling penting dan utama yang perlu dilakukan ialah memadamkan kebakaran di Sumatera dan di Kalimantan yang menjadi punca utama jerebu tersebut.

Kita harus menumpukan perhatian sepenuh-penuhnya dalam masalah ini dan berusaha menangani masalah ini. Sebab itulah cara yang paling bijaksana yang kerajaan fikir wajar dilakukan ialah untuk mengajak seluruh jentera agensi yang ada di negara kita dan di rantau ASEAN dan negara-negara jiran lainnya untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa di Indonesia dan tidak di sebaliknya untuk menimbulkan suasana yang keruh, yang mempersulitkan kerja-kerja penyelesaian.

Saya ingin tegaskan di sini bahawa hubungan baik dengan Indonesia harus dikekalkan dan kita tidak ada sebab untuk mempertikai kesungguhan kerajaan Indonesia untuk menangani masalah ini. Dan sekali lagi saya ulang, hasrat dan pendirian kerajaan untuk terus menggesa rakan-rakan negara

ASEAN dan negara-negara jiran untuk bekerjasama mengambil langkah-langkah dan tindakan bersama dengan segala usaha yang perlu untuk menangani masalah kebakaran di Sumatera, di Riau dan di Kalimantan.

Inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Malaysia agak luar biasa. Kita segera memutuskan menghantar anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta peralatannya sekali ke Kalimantan dan Sumatera untuk membantu kerja-kerja memadam kebakaran di tempat-tempat tersebut. Jangan diremeh dan perkecilkan kerana pasukan bomba kita telah menjalankan satu kegiatan dan tindakan yang cukup dibanggakan dan harus dipuji oleh kita kerana kesediaan mereka untuk meneroka kawasan yang sukar dan memulakan satu tindakan yang cukup gigih, yang saya kira bukan sekadar membantu menyelesaikan masalah ini walaupun pada tahap yang kecil tetapi menunjukkan keupayaan dan kesungguhan kita melaksanakan daripada sekadar meluahkan pandangan dan perasaan semata-mata.

Kita telah menghantar seramai 1,210 anggota di kawasan kebakaran dengan menghadapi risiko yang cukup tinggi. Di samping itu, 24 anggota Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) juga dihantar. Jabatan Perkhidmatan Cuaca, Tentera Udara Diraja Malaysia telah mempertingkatkan usaha pembenihan awan sebagai langkah membuat hujan tiruan untuk mengurangkan kandungan habuk di udara. Dalam tempoh 20 September sehingga 23 September 1997 sahaja sebanyak 31 operasi misi pembenihan awan telah dijalankan dan ini diteruskan.

Jabatan Alam Sekitar terus melaporkan tahap kualiti udara IPU melalui media massa dan elektronik tidak harus ditimbulkan dan dicurigai kesungguhan dan kebenaran kenyataan ini apatah lagi kerana dijalankan oleh pasukan penyelidik termasuk kesediaan mereka untuk memberikan maklumat secara langsung kepada orang ramai apabila dikehendaki. Sebelum ini memang benar ASMA telah melaporkan melalui Jabatan Alam Sekitar tetapi kita memberikan kelonggaran supaya maklumat ini boleh disampaikan terus kepada awam supaya tidak timbul keraguan dan pertikaian.

Kerajaan juga telah mengambil langkah menghapuskan cukai import ke atas topeng-topeng pernafasan yang boleh digunakan oleh orang awam semasa berada di luar rumah, pejabat dan sebagainya. Kerajaan juga telah menghantar dua orang pegawai dari Jabatan Alam Sekitar ke post command di pusat penyelarasan penguatkuasaan pembakaran Indonesia untuk tujuan menyelaraskan tindakan kedua negara dalam aktiviti menangani jerebu. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Menteri Penerangan Malaysia selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Krisis dan Bencana telah menghubungi rakan sejawat masing-masing di Indonesia untuk bertukar maklumat dan menyusul

tindakan yang dipersetujui bersama. Selain daripada satu surat utama yang telah diutus oleh Perdana Menteri kepada Presiden Suharto, Indonesia untuk meminta supaya diberi keizinan dan kelonggaran bagi pasukan Malaysia bersama-sama membantu langkah-langkah yang diambil oleh pemerintah Indonesia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar kesan jerebu ke atas kesihatan orang awam. Kerugian yang besar yang ditanggung oleh rakyat dan negara akibat terjejasnya kesihatan awam dan kegiatan ekonomi. Kesan negatif kepada eko-sistem alam sekitar secara keseluruhannya dan lain-lain lagi. Data-data sedang dikumpul dan kajian terperinci sedang dilaksanakan untuk meneliti perkara ini dengan lebih terperinci untuk tindakan susulannya. Sementara itu, kita telah menunjukkan kesediaan untuk membelanjakan dana yang seperlu mungkin untuk menangani masalah ini.

Kita telah menerima tawaran bantuan dari beberapa negara, termasuk Amerika Syarikat, Jepun, Perancis, negara-negara ASEAN, serta juga international organizations seperti United Nations Development Programme untuk mengerah kerjasama di peringkat antarabangsa. Jabatan Kaji Cuaca Malaysia dan World Meteorological Organizations telah meramalkan bahawa El-Nino akan berlanjutan sehingga penghujung tahun ini. Jerebu di negara kita belum berakhir, ianya akan bergantung kepada peredaran angin dan kedatangan musim tengkujuh. Walaupun sukar bagi kita untuk meramalkan keadaan jerebu pada masa akan datang, kerajaan akan sentiasa meneruskan usaha untuk menangani masalah jerebu di peringkat awal. Sehubungan ini, kerajaan telah membina stesen bumi penerimaan data satelit remote-sensing berharga lebih RM72 juta.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan dan kesihatan orang ramai harus diberi keutamaan. Sebab itulah kerajaan ingin terus menyeru kepada orang ramai supaya berwaspada dan sentiasa beri kerjasama kepada usaha khususnya dalam mengikuti nasihat yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan yang berkenaan dari masa ke semasa. Kita terus menggesa supaya pelan tindakan di peringkat ASEAN ditunjangi oleh Indonesia dapat bergerak lancar dengan dikerahkan seluruh tenaga dan kekuatan yang perlu bermula dari Indonesia.

Bagi pihak Kerajaan Malaysia, semua langkah, dana, kegiatan jentera yang wujud akan dikerahkan bagi maksud tersebut. Kita juga harus mengambil iktibar dari pengalaman ini, sebab itu kesedaran rakyat ke seluruh jentera kita harus meningkat dan soal persekitaran awam dan kesihatan dan alam sekeliling harus terus menjadi agenda utama di negara kita.

Sekali lagi saya ulangi penghargaan saya kepada semua rakan di negara kita yang telah memberi sumbangan berganding bahu untuk memadamkan kebakaran di Indonesia dan melakukan apa juga kegiatan yang perlu bagi mengatasi krisis jerebu ini. Kita juga perlu sentiasa berdoa ke hadrat Allah subhanahu wata'ala, mudah-mudahan dapat jalan yang berkesan untuk menangani krisis ini. Terima kasih.

Saya mohon mencadangkan.

Menteri Penerangan [Dato' Mohamed bin Rahmat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

4.03 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila pihak kerajaan membawa isu jerebu ke dalam Dewan Rakyat, ini menunjukkan bahawa kita berada dalam satu peringkat yang paling parah. Saya mendapat tahu bahawa memang terdapat beberapa pertubuhan antarabangsa dan juga kerajaan-kerajaan asing telah pun membuat beberapa cadangan dan usul kepada pihak Indonesia. Dalam hal ini, kami rakyat Malaysia merasa amat kecewa oleh kerana tindakan Indonesia untuk menangani masalah jerebu ini agak terlalu lembab walaupun kita masih lagi dan memang terus akan mengeratkan lagi hubungan baik kita dengan Indonesia. Sebagai rakyat Malaysia, kami berharap supaya masalah jerebu yang ada sekarang ini ditangani dengan satu concern, satu keprihatinan yang amat mendalam.

Semalam Presiden Suharto di dalam majlis Hari Angkatan Bersenjata Indonesia (ABRI) menyatakan apresiasi beliau terhadap apa yang telah dilakukan oleh Malaysia. Pada waktu yang sama beliau mendesak supaya Angkatan Tentera Indonesia dikerah untuk sama-sama menangani masalah kebakaran yang lebih kurang 800,000 hektar itu. Diharap perkara ini tidak hanya indah khabar dari rupa.

Saya ingat pada awal bulan Julai, saya pergi ke Pekan Baru. Kami bermasalah untuk mendarat dan apabila kami mendarat, kita dapat tahu bahawa masalah adalah pembakaran bukan yang dilakukan oleh orang kampung, tetapi pembakaran yang dilakukan oleh big timers, oleh peneroka-peneroka tanah yang besar dan ini adalah untuk pembukaan ladang-ladang kelapa sawit dan sebagainya. Saya sebagai seorang kampung yang datang dari kawasan gambut di Johor, saya tahu

kebakaran gambut adalah bahaya oleh kerana - ini Menteri Penerangan tahulah [*Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat menganggukkan kepala*]. Tanah gambut ini kalau kena bakar, dia makan ke dalam, dia tidak melebar ke luar, tetapi dia makan ke dalam, itu dia boleh masuk sampai 10 kaki, 12 kaki, apatah lagi waktu musim kemarau.

Jadi dalam hal ini, saya minta Presiden Suharto semalam membuat seruan kepada ABRI, saya minta perkara ini dilakukan supaya lebih ramai kakitangan yang profesional dikerah, jangan kita mengharapkan briged baldi sahaja berjalan. We don't want the bucket brigade, sebab orang awam ini tidak terlatih. Kita hendak sama-sama tunjukkan apabila Malaysia telah menghantar lebih 1,000 orang, bermakna kita memang faham-fahamlah, kita tidak mahu mencari masalah dengan Indonesia tetapi Indonesia harus compensate, harus reciprocate dengan lebih positif. Dia mempunyai masyarakat yang berjuta-juta orang, mempunyai tenaga tentera yang besar, mengapa tidak dikerah lebih awal? Walaupun terlewat, kami masih lagi merayu, rakyat Malaysia masih lagi merayu, mulai hari ini teruskanlah supaya tidak lagi masalah sepertimana yang berlaku di Sarawak pada lebih kurang 22hb. baru-baru ini yang dia declare emergency di Sarawak, waktu itu kami berada di Mauritius. Apabila kami telefon balik, dia kata Malaysia declare emergency, emergency apa? Rupanya emergency jerebu. Komunis sudah habis, jerebu menyerang kita dan datangnya daripada negara jiran kita.

Jadi diharap walaupun kita telah membelanjakan, Kerajaan Malaysia telah banyak memperuntukkan dana diperuntukkan, belanja RM22 juta untuk buat stesen bumi mengesan satelit dan sebagainya, Indonesia apa yang dia buat? Nanti kalau kita cakap macam ini, dia kata Malaysia merasa tidak puas hati, tetapi kita tidak lagi mahu hubungan antara negara ASEAN ini ada lagi big brother dengan small brother, tidak ada. Kita harus equal, berada dalam satu tahap yang sama apatah lagi kalau punca masalah yang memudaratkan negara jiran itu adalah datang dari negara kita sendiri. Jadi pihak kami masih lagi rasa tidak puas hati dengan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Indonesia.

Semalam ada dalam televisyen dia tunjuk satu wakil ABRI kata, ini memerlukan kakitangan yang besar, tetapi tidak pun dia hantar. Pegawai dan kakitangan (ABRI) di Kalimantan, bukan orang Malaysia yang bercakap. Dia kata, memerlukan jumlah kakitangan yang besar. Hantarlah dengan segera. Kenapa tidak dihantar dengan segera? Itu persoalannya.

Saya kasihanlah sekarang ini MAS pun sudah tonggang terbalik, jadual kapal terbang kita sudah tonggang terbalik. Adakah kita mahu melihat? Jauhkan Tuhan. Perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Boleh minta penjelasan, sekali sahaja?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kelantan mana ada jerebu.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah wakil Parit Sulong menjelaskan kepada Dewan ini apakah benar Ketua Menteri Sarawak semasa darurat diisytiharkan, beliau dengan keluarganya meninggalkan Sarawak dan bercuti di Eropah semasa darurat sedang berlangsung dan rakyat menghadapi sengasara. Jadi, minta penjelasan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak payahlah. Itulah otak ahli politik yang berjerebu agaknya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bukan. Ini rakyat susah, macam mana ketua boleh lari? Timbalan Perdana Menteri duduk dalam negeri.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, tunggu saya cakap, you tanya saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Batang Lupar, bangun atas apa?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya akan cakap selepas ini, tanya saya.

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan mencelah macam itu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Pengangkutan udara menjadi masalah, cuma belum mendatangkan satu insiden yang tidak diingini. Masalah pengangkutan laut memang telah menunjukkan insiden yang tidak diingini. Perlanggaran kapal baru-baru ini dengan pandangan (visibility) yang terlalu dekat. Saya hendak balik ke kawasan, pandangan saya lebih kurang 200 meter sahaja baru-baru ini, lebih kurang pada minggu lalu. Semalam lagi teruk, daripada kawasan Pagoh turun ke Ledang, turun ke Melaka, bertambah teruk. Hari itu hujan lebat, kita rasa lega. Hari ini tidak ada hujan, keadaan di lebuhraya pun membahayakan. Ini harus difahami. Jiran kita harus faham. Oleh kerana angin bertiup di sebelah sini, tempat dia tidak kenal, mungkin.

Telah ada satu laporan dalam surat akhbar, kebakaran yang besar menjadi satu tradisi di Indonesia. Tradisi di kawasan dia tidak kiralah. Tradisi di kawasan kita yang ingin memelihara suasana alam sekitar yang sihat, harus juga dihormati. Ini yang saya tidak mahu. Saya minta Yang Berhormat Kubang Kerian kalau bercakap nanti, biar dia sihat sedikit, jangan berjerebu sangat.

Masalahnya sekarang, usaha kita telah lakukan, keprihatinan kita telah disuarakan, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah dikirim, Menteri Penerangan yang keturunan sama dengan majoriti orang di Indonesia pun telah dihantar - macam keturunan saya jugalah [*Ketawa*] yang satu jenis dengan Presiden Indonesia telah pun dihantar, cakap same lingos, striking the heart, dengan izin, pun tidak ada tindakan. Utusan daripada Perdana Menteri telah dihantar, tidak ada lagi tindakan. Sampai bila kita harus menunggu?

Jadi, saya harap sebagai satu simbol kepada seruan rakyat Malaysia hari ini, usul yang dibentangkan hari ini adalah simbol kepada seruan rakyat Malaysia, harapan dan rayuan kepada Indonesia supaya tindakan yang lebih berkesan hendaklah dimulakan daripada hari ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong.

4.12 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memuji tindakan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang bersikap sensitif terhadap bencana jerebu kebangsaan ini serta bersetuju untuk menangguhkan Peraturan Mesyuarat apabila Dewan yang mulia ini bersambung hari ini untuk membahis isu bencana jerebu kebangsaan dan membolehkan isu ini mendahului semua urusan Parlimen yang lain.

Parlimen akan ketinggalan dalam segi peranan, fungsi dan tugasnya, selain dari tidak berkaitan dengan keperluan, masalah serta aspirasi rakyat jelata kita sekiranya para ahli Parlimen dari semua parti politik, sama ada dari pihak kerajaan mahupun pembangkang, tidak dapat berbahas dan menumpukan perhatian pada hari pertama Parlimen bermesyuarat ini ke atas bencana jerebu kebangsaan yang kini dihurai sebagai 'bencana alam sekitar global' (global environmental disaster).

Mengikut pemberitahu urusan mesyuarat untuk hari ini yang telah diedarkan kepada para ahli Parlimen minggu lepas, hari ini tidak akan ada sebarang perbahasan mengenai bencana jerebu di Dewan Rakyat dan urusan Parlimen pertama yang tersenarai adalah tiga rang undang-undang yang telah dibentangkan untuk bacaan pertama dalam mesyuarat yang lepas, iaitu Rang Undang-undang

Pengurupan Wang, Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1997 dan Rang Undang-undang BERNAMA (Pindaan) 1997.

Sebenarnya dalam pemberitahu Aturan Urusan Mesyuarat yang asal telah wujudnya dua usul mengenai bencana jerebu, tetapi mereka telah disenaraikan pada nombor 5 dan 9 dalam Aturan Urusan Mesyuarat. Perkara ke-5 dalam Aturan Urusan Mesyuarat adalah usul yang dibawa oleh Ahli Parlimen dari Kota Melaka, meminta supaya pampasan dituntut dari kerajaan Indonesia hasil dari kerugian dalam segi ekonomi dan kesihatan yang ditanggung oleh rakyat Malaysia berikutan dengan pencemaran udara yang paling buruk yang disebabkan oleh beribu-ribu kejadian kebakaran hutan dan ladang di Sumatera serta Kalimantan. Perkara ke-9 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pula merupakan usul yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen dari Kepong, meminta supaya satu laporan penuh dibentangkan mengenai kesan ekologi serta sebab-sebab bencana jerebu kebangsaan.

Bagaimanapun, oleh kerana kedua-dua usul ini merupakan usul ahli persendirian, yang diletakkan di belakang kesemua urusan kerajaan dan mengikut kebiasaan Parlimen kita, mereka hanya berpeluang muncul dalam kertas Aturan Urusan Mesyuarat, tetapi tidak akan berpeluang untuk dikedarkan dan dibahas langsung. Tambahan lagi, kedua-dua usul ini perlu dikemukakan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Parlimen mula bermesyuarat, iaitu lebih kurang minggu ketiga bulan September lepas.

Sejak masa berkenaan, bencana jerebu nasional telah semakin merosot keadaannya, bukan hanya diikuti dengan pengisytiharan darurat di Sarawak yang berlarutan selama sepuluh hari, menyebabkan keadaan yang kelam kabut sama ada di udara, laut mahupun di darat, memaksa lapangan terbang ditutup, kapal terbang tergendala di darat, dan jerebu juga jelas bertanggungjawab ke atas hempasan kapal terbang Garuda di Medan pada 26 September 1997, menyebabkan 234 orang terbunuh (dan timbulnya kekhawatiran bahawa lima pemuda Malaysia dari Pulau Pinang dan Kedah mungkin merupakan antara mangsa yang terkorban kerana mereka ini pernah memberitahu keluarga mereka bahawa mereka berlepas ke Indonesia untuk bekerja pada tempoh hempasan pesawat berkenaan dan sampai hari ini pemuda-pemuda ini masih hilang), pelanggaran kapal-kapal laut di Selat Melaka serta meningkatnya kes-kes kemalangan jalan raya, termasuk yang membawa kepada maut.

Jerebu juga berkemungkinan menyebabkan kemalangan maut yang menimpa Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap, Pulau Pinang, iaitu Ooi Theng Bok, dua minggu yang lepas, yang menyebabkan suatu pilihan raya kecil perlu dijalankan di kawasan berkenaan. Ooi, berumur 44 tahun,

mengalami cedera parah di bahagian kepala, menimpa kemalangan semasa kereta Proton Saga yang dipandunya melanggar bahagian belakang sebuah trailer di kilometer 156 Lebuhraya Utara-Selatan (yang pada ketika itu, dan sekarang pun sebenarnya lebih sesuai digelar sebagai bukan North-South Expressway, tetapi North-South Hazeway). Saya pernah berjalan di North-South Hazeway beberapa kali, sangat bahaya. Pada pukul 11.25 malam pada 23 September, dan diisytiharkan meninggal dunia sebaik sahaja dihantar tiba di Hospital Sungai Bakap. Saya diberitahu bahawa jerebu di tempat kejadian pada malam berkenaan agak tebal dan merupakan salah satu kejadian jerebu yang paling buruk di Pulau Pinang.

Tambahan lagi, kesihatan berjuta-juta rakyat Malaysia telah diancam oleh jerebu di mana pada bulan September sahaja telah ada beratus-ratus ribu orang yang mendapatkan rawatan perubatan kerana penyakit yang berkaitan dengan jerebu, antaranya jangkitan pernafasan, asma dan konjunktivitis. Tetapi apa yang lebih serius dan membimbangkan adalah kesan jangka panjang jerebu ke atas kesihatan populasi Malaysia, khasnya ke atas kanak-kanak, antaranya yang hanya akan kelihatan kesannya sepuluh tahun atau dua puluh tahun dari sekarang. Kesan-kesan jangka panjang ini termasuklah penyakit barah, penyakit paru-paru kronik, kerosakan ke atas sistem saraf, buah pinggang dan hati, kesan-kesan ke atas pertumbuhan paru-paru kanak-kanak serta kemerosotan kesihatan kaum tua.

Laporan surat khabar semalam mempamerkan hasil kajian bersama Universiti Kebangsaan Malaysia dengan Universiti Putra Malaysia yang mengatakan bahawa pendedahan kepada pencemaran udara akan memberi kesan negatif ke atas kepintaran para pelajar. Kita mahu smart school tetapi kita ada satu keadaan yang tidak akan mengakibatkan satu smart generation nanti kalau kita tidak menangani masalah jerebu.

Atas sebab inilah pada 27 September, saya telah memberikan notis untuk membentangkan satu usul yang lebih terkini dan komprehensif mengenai bencana jerebu nasional, yang antara lain, meminta supaya satu Rancangan Tindakan Udara Bersih dibentangkan dan diluluskan oleh mesyuarat Parlimen kali ini demi ‘menunjukkan sikap serius negara ini serta komitmen kita dalam memastikan bahawa udara segar serta air bersih dianggap sebagai antara hak-hak asasi semua rakyat Malaysia’.

Usul saya berbunyi seperti berikut:

Bahawa Dewan ini,

MELAHIRKAN rasa terkejut dan kecewa bahawa rakyat Malaysia kini terdedah kepada bencana pencemaran udara paling buruk dan mengancam kesihatan mereka dalam sejarah negara ini sepanjang tempoh darurat jerebu sehinggakan Indeks Pencemar Udara di Kuching mencapai tahap yang tidak pernah berlaku dahulu serta tidak dapat dibayangkan iaitu 839 pada 23 September 1997, jam 11 pagi, dan Darurat telah diisytiharkan di Sarawak pada 19 September 1997, sungguhpun orang ramai telah diberi jaminan semasa berlakunya beberapa bencana jerebu yang serius dalam tahun-tahun 1990, 1991 serta 1994 bahawa kita akan mempelajari dari pengalaman lampau demi mengelakkan sebarang kejadian yang sama dari berulang lagi;

MELAHIRKAN rasa prihatin terhadap kegagalan serta ketidakberupayaan pihak berkuasa Indonesia dalam mengawal dan memadamkan beribu-ribu kebakaran hutan serta ladang di Sumatera dan Kalimantan, membawakan ancaman yang lebih besar ke atas alam sekitar, kesihatan dan kebajikan berpuluh juta orang di Malaysia, Singapura, Brunei, Filipina serta di Indonesia;

MELAHIRKAN rasa terkejut kita terhadap hempasan pesawat Garuda Indonesia dekat Medan pada 26 September 1997 yang disebabkan oleh jerebu, mengucapkan takziah kepada keluarga para si mangsa dan menyeru kerajaan Indonesia supaya mengisytiharkan masalah jerebu yang disebabkan oleh kebakaran hutan dan ladang berleluasa di negara berkenaan sebagai bencana antarabangsa, mengakui bahawa pihak berkuasa Indonesia memang tidak berupaya menangani masalah ini secara persendirian, dan meminta bantuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menubuhkan pasukan pemadam jerebu yang berkuasa penuh untuk menangani masalah jerebu masa kini serta masa depan;

MEMPERHATIKAN bahawa bencana jerebu di Malaysia telah bertambah buruk keadaannya oleh kegagalan pada tahun-tahun yang lepas untuk mengambil tindakan berkesan demi membentuk dan melaksanakan Dasar Udara Bersih untuk negara ini serta memobilisasikan sokongan rakyat terhadap satu dasar yang menyokong pembangunan berkekalan yang memberikan keutamaan ke atas kualiti kehidupan, khasnya dalam memastikan bahawa rakyat Malaysia menikmati udara dan air bersih;

MENGAMBIL KETETAPAN bahawa suatu Rancangan Tindakan Udara Bersih harus dibentang dan diluluskan dalam mesyuarat Parlimen kali ini demi menunjukkan sikap serius dan komitmen negara ini dalam memastikan bahawa udara dan air bersih merupakan antara hak asasi semua rakyat Malaysia.

Saya juga telah menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mencadangkan supaya urusan mesyuarat pertama hari ini apabila Dewan Rakyat bersambung haruslah suatu perbahasan yang menyeluruh dan komprehensif mengenai bencana jerebu kebangsaan, dan saya meminta supaya pihak kerajaan bersetuju menangguhkan Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, membolehkan usul ini dibahaskan.

Di masa yang sama, dalam percubaan untuk memastikan bahawa Parlimen hari ini akan berpeluang untuk membahaskan isu bencana jerebu kebangsaan, Ahli Parlimen DAP kawasan Kepong juga telah memberikan notis mengikut Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengemukakan satu usul perkara tertentu, kepentingan orang ramai, yang berkehendak disegerakan, selepas masa pertanyaan mengenai isu bencana jerebu kebangsaan.

Saya amat gembira kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bersetuju bahawa perkara pertama agenda Parlimen hari ini adalah perbahasan yang menyeluruh mengenai bencana jerebu nasional, sungguhpun perbahasan ini bukan atas usul saya tetapi atas usul Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Ada orang yang masih ragu-ragu tentang perlunya diadakan satu perbahasan khas mengenai isu jerebu semasa Parlimen bermesyuarat hari ini memandangkan masalah jerebu telah pun agak lega sejak minggu lepas, rakyat Malaysia pun mula nampak kembali langit biru dan udara segar, sesuatu yang telah dilupai, dirampas dari mereka untuk beberapa minggu lamanya.

Sebenarnya apabila kami pergi ke merata tempat di seluruh negara untuk melancarkan kempen raksasa tangani “Udara Bersih Untuk Anak-anak Kita - Jerebu 1997 Jangan Berulang Lagi”, sama ada di Sarawak, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka mahupun Johor, reaksi pertama ramai orang adalah: mengapa perlu risau lagi sedangkan jerebu telah hilang dan langit biru telah kembali.

Inilah satu masalah paling besar di Malaysia, rakyat kita mempunyai memori yang singkat dan sebab inilah mengapa selama ini alam sekitar yang berkualiti serta udara bersih tidak pernah dianggap sebagai isu kebangsaan utama (mainstream national concern) tetapi hanya merupakan isu marginal

(peripheral) yang mengizinkan masalah jerebu berulang bertahun-tahun lamanya sehingga menjadi suatu bencana alam sekitar global tahun ini.

Masalah jerebu ini juga diperhebatkan lagi oleh memori kerajaan yang juga singkat, kenyataan saling bertentangan dan mengelirukan yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin dan agensi-agensi kerajaan serta kegagalan kerajaan dalam memberikan maklumat yang tepat, penuh serta terkini kepada rakyat jelata mengenai jerebu.

Sebagai contoh, pada Jumaat lepas, surat khabar *The Star* meletakkan “Worst is Over” sebagai tajuk muka pertamanya, memetik percakapan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Meteorological, Yong Pok Wing, yang berkata bahawa rakyat akan menikmati langit yang cerah untuk tempoh tujuh bulan yang akan datang kerana perubahan arah angin akan membersihkan asbut di negara ini.

Tetapi pada hari yang sama, *New Straits Times* di bawah tajuk “Law: Winds change may worsen haze” memetik Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang memberi amaran kepada rakyat dan agensi-agensi berkaitan supaya mengambil langkah berjaga-jaga kerana perubahan arah angin telah diramalkan dan akan memburukkan lagi masalah jerebu di beberapa bahagian negara ini.

Siapakah yang rapat harus percaya, pegawai Jabatan Meteorological kedua paling kanan ataupun Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar? Adalah perkara yang biasa jika orang ramai lebih mempercayai pegawai Jabatan Meteorologi yang merupakan seorang profesional yang patut tahu apa yang dikatakannya, tidak seperti seorang menteri yang tidak mempunyai sebarang kepakaran sama ada dalam bidang ramalan meteorologi ataupun sains alam sekitar.

Bagaimanapun, kenyataan-kenyataan umum para pegawai profesional dari Jabatan Meteorological pun nampaknya tidak begitu menakutkan lagi. Sebagai contohnya, apabila rakyat diberitahu bahawa ‘worst is over’, adakah ia bermaksud Indeks Pencemar Udara (IPU) di Malaysia tidak akan meningkat ke tahap yang ‘sangat tidak sihat’ iaitu 201 atau ke tahap ‘merbahaya’ iaitu 301, dan juga tidak mungkin akan sampai ke tahap bencana iaitu lebih daripada 301, sebagaimana yang pernah berlaku di Sarawak selama 10 hari pada bulan yang lepas. Bagaimanapun, pada hari semalam dan hari ini, ramalan Jabatan Meteorological bahawa ‘worst is over’ tidak lagi dipercayai oleh penduduk-penduduk di Melaka dan Lembah Kelang, kerana kita dapat lihat bahawa jerebu telah kembali sekali lagi.

Apabila rakyat diberitahu bahawa IPU di Melaka, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya pada pukul 5 petang semalam adalah 125, 82 dan 60 masing-masing, adalah amat sukar bagi kita mengharapkan orang ramai berkeyakinan ke atas kredibiliti IPU ini.

Reaksi serentak pihak berkuasa adalah: orang ramai tidak harus menganggap tahap darjah penglihatan (visibility) sebagai mewakili IPU, kerana ia amat mengelirukan.

Pengarah Pengurusan Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA), Datuk Dr. Abu Bakar Jafar berkata bahawa apabila hujan turun dalam tempoh berjerebu, pencemar di dalam udara akan larut dan hilang dalam air dan bacaan IPU akan menurun. Bagaimanapun, darjah penglihatan (visibility) mungkin belum pulih lagi kerana air yang mengewap dalam udara mungkin memburukkan lagi darjah penglihatan.

Bolehkah ini digunakan untuk menjelaskan mengapa keadaan darjah penglihatan yang semakin buruk di Lembah Kelang tidak digambarkan dalam bacaan IPU? Pada hari Jumaat dan Sabtu yang lepas, hujan yang agak lebat turun di Lembah Kelang. Sekiranya penjelasan tersebut di atas memang betul, maka masalah darjah penglihatan adalah hasil dari pengewapan air di dalam udara dan tidak ada kait-mengait dengan pencemaran udara, maka bacaan IPU haruslah menurun lagi dan bukan menaik. Tetapi ini bukannya hal yang berlaku, IPU semakin buruk di Melaka dan Lembah Kelang dalam dua hari yang lepas. Dari 8 pagi semalam, bacaan IPU di Melaka, KL dan PJ meningkat dari 103, 74 dan 50 masing-masing, menjadi 125, 82 dan 60 masing-masing, pada 5 petang. Pada tengah hari ini, bacaan IPU untuk Melaka, KL dan PJ telah meningkat lagi kepada 170, 153 dan 135 masing-masing.

Alam Sekitar Malaysia juga telah berkata bahawa orang ramai nampaknya tidak sedar bahawa Indeks Pencemar Udara sebenarnya adalah bacaan purata particulate untuk tempoh 24 jam lepas. Ini bererti bahawa apabila Melaka dan Lembah Kelang menghadapi kadar pencemaran udara yang semakin buruk pagi semalam, ia tidak digambarkan dalam bacaan IPU sehingga 24 jam kemudiannya. Ini amat berbeza dari apa yang didakwa bahawa darjah penglihatan (visibility) dan bacaan IPU adalah dua perkara berasingan.

Sehubungan ini, saya ingin menyeru Jemaah Menteri supaya bertindak terhadap ketidakpuasan hati rakyat Malaysia mengenai kadar kutipan RM1.95 seminit yang dikenakan oleh Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. ke atas setiap pertanyaan telefon mengenai bacaan IPU harian. ASMA telah memperkenalkan perkhidmatan hot line 24 jam sejak Selasa lepas mengenai bacaan IPU terkini. ASMA telah memberikan alasan bahawa kos perkhidmatan yang tinggi iaitu penerimaan 400 panggilan dalam sesuatu masa sebagai alasan mengutip kadar bayaran yang tinggi. Jemaah Menteri haruslah campur tangan dalam perkara ini untuk memastikan bahawa hot line untuk bacaan IPU terkini

ini dibekalkan secara percuma kepada orang ramai. Kerajaan juga sering mengeluarkan isyarat silap kepada rakyat mengenai bencana jerebu kebangsaan.

Salah satu contoh yang baik adalah apabila Yang Berhormat Menteri Penerangan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara mengumumkan Isnin lepas bahawa Jawatankuasa Jerebu Negara yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mengambil alih tanggungjawab menangani masalah jerebu dari Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara, kerana kualiti negara telah makin pulih di seluruh negara di mana IPU tidak lagi berada pada tahap bahaya.

Yang Berhormat Menteri Penerangan berkata bahawa jawatankuasanya akan mengambil alih semua kerja ini apabila IPU mencapai tahap 300. Jerebu 1997 merupakan jerebu paling buruk sekali dalam sejarah Malaysia, lebih buruk lagi dari jerebu pada tahun-tahun 1990, 1991, 1994. Ia harus diisytiharkan sebagai bencana kebangsaan, a national disaster tanpa kira bacaan IPU harian sehingga bencana ini berakhir yang mungkin kena tunggu sampai bulan November, Disember atau tahun depan.

Saya menyeru kerajaan supaya menubuhkan satu Jawatankuasa Bencana Jerebu Kebangsaan, a 'National Haze Disaster Committee', yang menganggap jerebu 1997 pencemaran udara paling buruk dalam sejarah negara ini sebagai satu bencana kebangsaan tanpa kira bacaan IPU hariannya dan bertanggungjawab untuk menangani bencana kebangsaan ini hingga ia berakhir kelak khasnya dalam soal mendidik rakyat Malaysia supaya lebih sensitif tentang kesan jerebu yang menggugat kesihatan dan nyawa orang ramai.

Jawatankuasa Bencana Jerebu Kebangsaan ini harus diketuai oleh seorang yang mendapat keyakinan orang ramai dan orang ini jelas bukanlah Yang Berhormat Menteri Penerangan. Adalah sesuatu yang tidak munasabah sekiranya tugas menangani bencana jerebu dipindah alih di antara Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara dan Jawatankuasa Jerebu Kebangsaan bergantung ke atas bacaan IPU sama ada mencapai tahap 300 dan apa yang harus dilakukan oleh kerajaan sebenarnya adalah meyakinkan orang ramai bahawa jerebu merupakan bencana kebangsaan tanpa kira bacaan IPU harian sehinggakan jerebu yang mengancam nyawa dan kesihatan rakyat kita ini hilang sama sekali.

Sebelum ini saya telah merujuk kepada Lebuhraya Utara-Selatan (North-South Expressway) sebagai North-South Hazeway, kerana dalam minggu-minggu semasa masalah jerebu paling buruk sekali, mereka yang sering berulang-alik di atas lebuhraya berkenaan mengalami perasaan bertindak

hasil dari jerebu yang buruk. North-South Hazeway telah menjadi satu simbol tanda keadaan alam sekitar yang merosot di Malaysia sebelum kita mencapai status negara maju pada tahun 2020. Sebenarnya Malaysia telah mencapai Wawasan 2020 sebagai negara maju dalam segi pencemaran, 22 tahun lebih awal dari objektif asal, mendahului banyak negara maju di dunia ini, sesuatu kejayaan yang tidak membanggakan.

Jerebu bukannya sesuatu yang baru di Malaysia. Sebenarnya ia telah menjadi perkara yang berulang setiap tahun sejak tahun 1980-an. Berikut adalah satu editorial mengenai jerebu di Malaysia di bawah tajuk, dengan izin, "Fazwed by the Haze" yang menyatakan, dengan izin, "Dry throats, running noses, sore eyes, asthma siezures, poor visibility, flights cancelled, collisions. That sombre greyish haze again, this time the worst in 10 years with visibility reduced to 600 metres in Subang. And an embarrassment for the rest of the nation, this is a country that has exciting plans to achieve industrial maturity by 2020 and yet is already suffering from the effects of environmental pollution."

Ini adalah editorial New Straits Times, bukannya ditulis bulan lepas, minggu lepas atau pun tahun lepas, tetapi ditulis pada 3 Oktober 1991. Setiap kali apabila jerebu seperti tahun 1990, 1991 dan 1994 yang begitu teruk, kerajaan dan rakyat kata tidak boleh biar bencana jerebu semacam itu berlaku, kita perlu ambil tindakan. Tetapi setiap kali jerebu itu habis semua dilupakan. Akhirnya, jerebu 1997 lebih teruk dari jerebu 1990. Lagi cycle, perhatian, kerisauan dan jaminan tidak benar bencana jerebu berulang lagi. Jerebu tahun 1994 lebih teruk daripada 1991. Semua perhatian dilupakan, dan sekarang berulang lagi. Jerebu 1997 lebih teruk daripada jerebu sama ada 1990, 1991 atau 1994 sehingga API mencapai tahap 839 di Sarawak. Apa yang sangat kita perlu ambil perhatian juga bahawa pihak kerajaan tidak memberi maklumat dan data-data yang cukup kepada orang ramai supaya rakyat insaf, sedar mengenai bahaya jerebu sama ada short term, medium term atau long term.

Sebagai satu contoh, kita ada dapat maklumat daripada pihak berkenaan mengenai apabila satu tahap IPU dicapai, lebih daripada 101 ialah tidak sihat, lebih daripada 201 ialah sangat tidak sihat, lebih daripada 301 ialah hazardous, bahaya. Kita ada maklumat-maklumat daripada pihak berkenaan mengenai kesan dari segi kesihatan apabila dikategori 0-50 IPU disifat sebagai bagus, tidak ada kesan yang negatif terhadap kesihatan. Apabila dikategori 51-100, moderate atau sederhana pun mempunyai kesan yang buruk kepada kesihatan, dan juga mengenai kesan yang buruk kepada kesihatan apabila tahap tidak sihat, sangat tidak sihat dan hazardous.

Apa yang saya mahu menegaskan di sini ialah mengenai maklumat-maklumat yang diberikan apabila IPU sampai ke tahap hazardous, lebih daripada 301 IPU, apakah kesan buruk kepada kesihatan. Maklumat-maklumat yang diberikan oleh kerajaan atau agensi-agensi kerajaan ialah apabila IPU sampai 301 kesan terhadap kesihatan ialah dengan izin, “severe aggravation of symptoms and endangers health”. Apa ertinya “severe aggravation of symptoms and endangers health. Apa ertinya, apa makna, meaningless statement. Apa “severe aggravation of symptoms and endangers health?” Apa ini? Ini berlaku dalam tahap yang lebih awal, tetapi hazardous, apa ini “severe aggravation of symptoms and endangers health” Apabila unhealthy sudah endanger health, apabila sangat unhealthy sudah endanger health, tetapi apabila hazardous masih “severe aggravation of symptoms and endangers health”.

Kita tengok dalam negara-negara lain, mereka pun ada level yang sama, good, moderate, bagus, sederhana, tidak sihat, sangat tidak sihat dan bahaya. Angka pun sama. Satu contoh yang kita dapat daripada United States. Apabila sampai hazardous level, ia ada lagi dua kategori. 301-400, apa kesan negatif kepada kesihatan. Di sini, dengan izin, “premature onset of certain diseases in addition to significant aggravation of symptoms and decreased exercise tolerance in healthy persons” Orang ramai lebih boleh faham ini bahaya certain symptoms, certain diseases boleh outbreak, heart, lung, premature onset of certain diseases.

Apabila sampai 401-500 “premature death of ill and elderly.” Orang tua, orang sakit boleh mati, boleh meninggal dunia, bahaya, hazardous. Itulah warning. Tetapi apa yang ada di Malaysia, “severe aggravation of symptoms and endangers health”, meaningless. Kenapa mislead rakyat, tidak beri maklumat yang cukup yang patut diberi supaya kita faham apa erti IPU. Kenapa orang-orang, kakitangan di kedutaan sama ada Australia, Kanada, Eropah keluar daripada Malaysia, oleh kerana mereka lebih insaf, sedar apabila IPU sampai 100 sudah tidak sihat, itu sudah bahaya short term, long term. Bila bacaan IPU 200, sangat tidak sihat. Sampai 300, hazardous onset diseases premature death, mereka benarkan kakitangan keluar negara. Tetapi di Malaysia adakah kita ada satu education sympitize rakyat mengenai betapa bahaya apabila kekotoran udara kita.

Rakyat diberi satu gambaran kalau tidak sampai 839 seperti di Sarawak tidak mengapa. Tidak sampai 500 pun tidak mengapa.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bandau.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya ingin sekadar minta penjelasan. Yang Berhormat katakan awal tadi bahawa pada masa keadaan darurat di Sarawak, Ketua Menterinya bercuti di luar negara. Adakah ini keadaan kerana indeks itu terlampau tinggi atau bahaya atau bagaimana? Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Saya percaya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak faham. Dia faham apabila bacaan IPU 301, premature onset on certain diseases that he may has. Dan apabila bacaan IPU sampai 401, premature death of ill and elderly mungkin mahu cari seorang Ketua Menteri yang baru. Itu dia faham. Kalau dia lari begitu, mungkin dia ada sebab untuk kesihatan beliau.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sedikit sahaja Yang Berhormat. Berapa lagi Yang Berhormat hendak berceloteh ini? Orang lain hendak bercakap juga.

Tuan Michael Lisa Kaya: Saya mahu cakap juga, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat mahu tahan Ketua Menteri atau tidak mahu tahan. Tidak berani tahan tidak mengapalah, tidak payah berdiri.

Tuan Michael Lisa Kaya: Nantilah, when our turn come.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti saya akan datang ke perkara ini, oleh kerana isu ini mustahak. Saya akan datang khas mengenai Ketua Menteri Sarawak, tunggu. Ini mustahak mengenai maklumat rakyat Malaysia mengenai bencana ini. Kita tidak mahu tahu kenapa sama ada Jawatankuasa Bencana Nasional ataupun DOE kenapa tidak beri maklumat yang benar, yang secukup, yang terkini kepada rakyat. Kita setuju bahawa sebab utama bencana jerebu ialah oleh kerana kebakaran besar-besaran di hutan dan di ladang di Indonesia. Oleh itu, kita mahu kerajaan ambil tindakan yang tegas mengenai isu ini.

Tadi Yang Berhormat dari Parit Sulong ada menyuarakan beberapa isu tidak puas hati mengenai sikap, mengenai kerjasama ada ditunjukkan oleh pihak Indonesia untuk mengatasi masalah ini, kita setuju. Kalau begitu apa yang kita perlu ialah memperkuatkan usul di hadapan kita. Kita perlu memperkuatkan usul yang ada di hadapan kita. Kita ada beberapa perkara yang tidak begitu bersetuju, tetapi kita harap dalam perbincangan ini perasaan rakyat ada peluang untuk dikemukakan dan difahami sama ada oleh Kerajaan Malaysia atau oleh Kerajaan Indonesia. Kita mahu Kerajaan Malaysia

mendesak Kerajaan Indonesia mengakui bahawa ia sudah tidak boleh dengan sendiri menghadapi masalah kebakaran besar-besaran yang mengancam persekitaran, kehidupan berpuluh-puluh juta orang bukan sahaja di Indonesia, tetapi di Malaysia, Singapura, Brunei, Filipina dan Thailand, bahawa perlu serahkan isu atau masalah ini kepada satu pasukan antarabangsa untuk mengatasi. Kita mahu juga Kerajaan Malaysia mengadakan satu siasatan mengenai kerugian yang dihadapi oleh rakyat Malaysia akibat daripada bencana jerebu.

Dalam hubungan ini, kenyataan baru-baru ini yang ada dibuat oleh Pengerusi, dengan izin, National Disaster Management Coordinating Agency Indonesia, Azwar Anas yang menolak tanggungjawab mengenai bencana jerebu yang menimpa negara-negara jiran sangat memeranjatkan dan sangat perlu dikutuk. Sebenarnya kenyataan ini menidakkan tindakan Presiden Suharto yang meminta maaf daripada negara-negara yang berjiran mengenai kebakaran ini, yang sungguhpun beliau semalam ada ulangi kali yang kedua secara umum meminta maaf, sebenarnya ini bukan kali yang pertama dalam sejarah jerebu Indonesia. Pada tahun 1994 pun Presiden Suharto ada meminta maaf oleh kerana bencana jerebu yang diakibatkan oleh kebakaran besar-besaran di Indonesia dan Kalimantan. Tetapi selepas itu apa berlaku? Lagi satu jerebu yang lebih besar. Sungguhpun kita mengalu-alukan apology daripada Presiden Suharto, tetapi kita mahu beliau faham, kita mahu Kerajaan Indonesia faham apology sahaja tidak cukup untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara-negara jiran.

Di sini kenyataan Pengerusi National Disaster Committee yang nampaknya beliau pun seorang disaster, bahawa Kerajaan Malaysia tidak pernah menimbang perkara ganti rugi kepada Indonesia sangat mengecewakan, khasnya apabila Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar beberapa hari lalu ada berkata ada kemungkinan isu ganti rugi boleh ditimbangkan oleh Kerajaan Malaysia. Tetapi selepas beberapa hari rakan beliau Yang Berhormat Menteri Penerangan berkata tidak pernah difikir dan cara untuk beliau dismiss perkara ini, menunjukkan begitu angkuh, yang begitu contemptuous, sikap contemptuous beliau kepada Yang Berhormat rakannya, Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Sungguhpun kita bersetuju bahawa tugas terkini sekarang ialah untuk mengatasi masalah pokok ialah untuk memadamkan kebakaran di hutan-hutan dan ladang-ladang di Sumatra dan Kalimantan, Kerajaan Malaysia tentulah tidak selaras, out of sync, tidak akan berselaras dengan perasaan tuntutan, fikiran rakyat Malaysia kalau Kerajaan Malaysia tidak rela untuk memberi

pertimbangan yang serius mengenai isu menuntut ganti rugi daripada Indonesia, oleh kerana kerugian yang terbesar yang telah berlaku di Malaysia. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pun tahu perkara kerugian di Malaysia bukan kecil. Di Sibul, dua hari lalu beliau berkata bahawa kerugian yang ditanggung oleh Sarawak sehari darurat ialah RM100 juta. Ini bererti bahawa dalam 10 hari kerugian ialah RM1 bilion. Itu untuk Sarawak 10 hari sahaja. Untuk seluruh Malaysia dalam lingkungan berbilion-bilion ringgit. Sebab itu tuntutan perlu dibuat, tuntutan ganti rugi perlu dibuat, oleh kerana ia pun akan menjadi satu notis oleh Kerajaan Malaysia kepada dunia bahawa dalam globalise world, apabila ada transboundary pollution yang merosakkan negara jiran, di mana transboundary pollution itu berpunca itu perlu bertanggungjawab. Dalam perkara ini kalau Indonesia bertanggungjawab mengenai transboundary pollution kepada negara-negara lain, Indonesia perlu bertanggungjawab. Inilah satu prinsip international law yang mustahak dalam abad ke-21. Malaysia perlu establish the principle.

Kedua, apabila kita buat tuntutan ia juga akan menjadi satu lesson kepada Kerajaan Indonesia bahawa tahun-tahun akan datang akan lebih bertanggungjawab mengenai mengawal kebakaran besar-besaran di hutan dan di ladang supaya tidak berulang kali. Ini mustahak, bukan satu isu remeh-temeh. Itu pun sebab kita dapat sambutan yang baik apabila kita lancarkan satu kempen tandatangan raksasa. Sebentar tadi satu kempen bahawa udara bersih untuk anak-anak kita, bahawa memastikan bencana jerebu 1997 tidak berulang lagi. Antara enam tuntutan dalam mass signature campaign itu ialah untuk mendapat ganti rugi daripada Indonesia. Sungguhpun initial target kita dalam enam hari mengumpulkan 100,000 tandatangan, oleh kerana kempen itu dilancarkan pada hari Isnin lalu, kita mahu dalam lima-enam hari kita harap boleh mengumpulkan 100,000 signature untuk Parlimen apabila bersidang hari ini menunjukkan betapa serius rakyat Malaysia menganggap perkara ini - kita ada masalah oleh kerana dalam lima-enam hari ini hujan lebat di Semenanjung Malaysia, sungguhpun ini adalah baik supaya jerebu dapat dibersihkan. Dari segi itu saya alu-alukan, kita mahu lebih hujan, tetapi ia dampant signature campaign, oleh kerana sukar untuk melancarkan, tetapi sekurang-kurangnya kita sudah dapat dalam lima-enam hari 25,000 signature. Itulah history record untuk signature campaign di Malaysia, enam hari sahaja 25,000 signatures.

Namun di sini kita rela kemukakan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri nanti yang menunjukkan satu di antara enam tuntutan ialah bahawa Indonesia bayar ganti rugi. Ini

adalah satu seruan yang diberi sokongan oleh semua rakyat tidak kira kaum, tidak kira umur, tidak kira gender. Kita ada signature di sini semua kaum.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, itu tuntutan Ketua Pembangkang dan juga Ahli-ahli Parlimen dan rakyat terhadap Indonesia. Bagaimana pula 18 syarikat daripada Malaysia dikatakan terlibat di antara yang bertanggungjawab membakar hutan di Sumatra dan Kalimantan. Apakah tuntutan kita kepada syarikat daripada Malaysia, dan kalau boleh pihak kementerian menjelaskan nama-nama syarikat tersebut yang bertanggungjawab juga membakar hutan di Sumatra dan Kalimantan. Apa tuntutan kita terhadap syarikat-syarikat ini?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sebenarnya kalau saya tidak silap sekarang lebih daripada 18 syarikat. Angka yang ada disebut lebih 40 syarikat di mana Yang Berhormat Pengerusi Disaster Committee ada kata bahawa terbanyak daripada anak syarikat kerajaan-kerajaan negeri. Kalau begitu, ini lebih teruk siapa bertanggungjawab, anak syarikat kerajaan negeri yang bertanggungjawab, oleh kerana mereka ada bertindak, ada beroperasi di Indonesia sama ada di Sumatra dan Kalimantan ada terlibat dalam pembakaran besar-besaran mengakibatkan bencana jerebu di sini. Kalau begitu, ini satu perkara yang tentu sangat serius dan tidak boleh dibenarkan. Kita setuju dan kita mahu senarai syarikat-syarikat tersebut diumumkan supaya kita tahu dan kita mahu semua kerajaan negeri bertanggungjawab, khususnya kita mahu tahu Kerajaan Negeri Sarawak sama ada syarikat-syarikat, anak-anak syarikat SEDC Sarawak yang terlibat. Sungguhpun kerajaan ada minta bahawa setiap syarikat buat sumbangan RM100,000 saya rasa ini tidak cukup kalau itu benar bahawa mereka ada bertanggungjawab. Inilah satu aspek kita perlu meneliti.

Tetapi balik kepada mass signature campaign tadi, ini saya harap bahawa Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia akan mengambil perhatian yang berat mengenai 25,000 orang rakyat Malaysia dalam tempoh lima-enam hari sahaja sebelum kita boleh melancarkan kempen ini secara besar-besaran sudah sokong mass signature campaign bahawa mereka mahu Kerajaan Indonesia membayar ganti rugi kepada Malaysia sebagai important principle. Saya percaya bahawa kempen ini perlu diberi sokongan oleh semua rakyat tidak kira kaum, tidak kira agama, tidak kira parti politik, oleh kerana ini bukan satu political parti isu. Ini bukan satu racial issue, ini bukan satu isu agama, tetapi ini isu rakyat Malaysia, hak anak-anak kita untuk menikmati udara yang bersih supaya kesihatan mereka sekarang dan masa depan tidak terjejas. Saya haraplah bahawa dalam perkara ini kita boleh be thank united.

Sebenarnya kita harap bahawa dalam kempen ini kalau kita boleh dapat sokongan semua rakyat tentu target bukan sahaja 100,000, boleh lebih tinggi, 300,000, 500,000, malah 1 juta target. Ini sangat mustahak, dan ini mungkin boleh mencapai tiga objektif utama mass signature kempen itu. Yang pertama, bahawa melahirkan tuntutan pokok rakyat Malaysia bahawa mereka mahu udara bersih, khasnya untuk anak-anak kita. Kita tidak mahu bencana udara tahun 1997 berulang seperti tahun 1990, 1991 dan 1994. Kedua, bahawa menyampaikan satu mesej yang jelas bahawa pihak kerajaan dan semua parti-parti politik sama ada dalam kerajaan atau dalam pembangkang perlulah menentukan bahawa isu-isu udara bersih, isu-isu alam sekitar yang bermutu menjadi national concern dan tiap-tiap menjadi peripheral or marginal issue, dan kita perlulah satu dasar udara bersih dan satu rancangan tindakan. Ketiga, ialah mahu ganti rugi daripada pihak Indonesia.

Inilah yang mustahak. Saya harap bahawa kempen ini boleh dapat sokongan besar-besaran daripada semua pihak, bahawa kerajaan perlulah ambil perhatian perasaan rakyat mengenai perkara ini. Tetapi di sini kita harap Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memberi keterangan oleh kerana kita perlu mengakui bahawa kedudukan kekotoran udara kita pun ada sebab dalaman, bahawa oleh kerana sudah pun untuk beberapa tahun kita sudah gagal untuk mengadakan satu dasar udara yang bersih. Ini sebenarnya sudah diakui oleh DOE. Kalau kita baca laporan tahunan DOE 1994 mengenai jerebu 1994 sangat jelas dan tidak berbeza daripada sekarang. Inilah apa yang terkandung dalam laporan tahunan 1994 DOE mengenai haze. Dengan izin. *“Haze Episode - In 1991, the country experienced very hazy weather condition due to the forest fires in Sumatra. After a lapse of three years, during the month of September 1994 the haze recurred and lasted for over a month, only this time more severe compared to 1991. Serious forest fires in Kalimantan and Southern Sumatra were again identified as the main cause of the problem. The dry weather and stable lower wind conditions coupled with emissions from local pollution sources such as from motor vehicles, industries and open burning of wastes also aggravated the situation.”*

Apa yang berlaku dalam tahun 1994, berulang lagi dalam tahun 1997. Di sini kita harap bahawa Kabinet boleh buat satu keputusan dasar bahawa dalam sidang Dewan yang mulia ini kemukakan satu dasar udara bersih dan action plan boleh diluluskan dan dilaksanakan kemudiannya. Kita tahu tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada sebut mengenai keputusan, tindakan di akhir tahun 1994, saya tidak tahu sama ada beliau merujuk mengenai “Clean Air Action Plan” yang dikemukakan kepada Kabinet pada akhir tahun 1994, tetapi Clean Air Action Plan itu tidak

diterima. Ia ditolak oleh kerana lima orang menteri bantah atas sebab ia sangat costly untuk beberapa industri. Kita tahu bahawa antara lima menteri ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Dato' Seri Rafidah Aziz, Ahli Yang Berhormat dari Labis, iaitu Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sama ada mereka berdua dan tiga orang menteri lagi masih menentang negara perlu ada ada satu Clean Air Action Plan, sama ada mereka rela tukar pendirian mereka untuk menyokong mengadakan Clean Air Action Plan.

Di sini saya rasa satu perkara yang mustahak mengenai bencana jerebu di sini ialah tanggungjawab, contoh pimpinan yang diberi oleh semua pemimpin segala lapisan. Hari ini dalam *New Straits Times* ada satu laporan di mana Ketua Menteri Sarawak ada menyalahkan saya mengenai menimbulkan ketiadaan beliau di negeri Sarawak, bahawa saya, dengan izin, accused him of running away from Sarawak during the emergency. Tetapi beliau tidak ada di Sarawak. Sebenarnya pada 23 September 1997 apabila saya dapat kompelin daripada rakyat anak-anak Sarawak bahawa Ketua Menteri tidak ada di Sarawak, saya telefon Pejabat Ketua Menteri Sarawak daripada Kuala Lumpur tanya sama ada Ketua Menteri Tan Sri Taib Mahmud ada di sana, dan Setiausaha beliau kata dia tidak tahu, dia tidak boleh cakap, dia tidak boleh kata apa-apa sama ada Ketua Menteri ada di Sarawak atau tidak ada di Sarawak.

Ini bukan satu teladan pimpinan khasnya apabila rakyat Malaysia menghadapi worst crisis, krisis yang terburuk dalam sejarah Sarawak. Sama ada beliau keluar Sarawak oleh kerana dia tahu bahaya apabila IPU 300 premature death atau apa, tetapi ini bukan satu contoh yang baik. Sekarang dia kata dia pergi luar negeri oleh kerana under SOS mission untuk hubung dengan pakar-pakar kesihatan dan jerebu di United States. Sekarang ini masa information technology (IT) di mana sahaja kita boleh dapat perhubungan, instant communication daripada mana-mana tempat di bumi. Kenapa dia perlu dua minggu baru boleh buat satu public reaction. Dia patut boleh kata daripada US "I am in US, I am talking to haze expert number one", tetapi tidak. Ini bohong sahaja.

Kenyataan beliau hari ini sebenarnya tunjuk dia tidak bertanggungjawab langsung. Kenapa ahli-ahli Parlimen atau sesiapa boleh sokong seorang yang begitu tidak bertanggungjawab di mana dalam krisis yang terbesar oleh rakyat Malaysia dia lari. Sebenarnya pagi ini saya ada fax kepada beliau, saya kata dia patut berada di Parlimen, datang ke Parlimen untuk jawab, tunjuk dia tanggungjawab. Mana beliau, tidak ada. Dia tidak ada hak untuk terus sebagai Ketua Menteri Sarawak, dia patut letak jawatan. Seorang yang tidak begitu bertanggungjawab. [*Tepuk*] Saya percaya

tidak ada ahli-ahli Parlimen, tidak ada orang pemimpin sama ada kerajaan atau pembangkang yang bertanggungjawab yang ada martabat boleh berdiri untuk mempertahankan Ketua Menteri Sarawak.

Tuan Michael Lisa Kaya: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Nampaknya saya salah.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih, Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang begitu fasih dan juga berpengalaman di dalam bidang bencana jerebu. Saya ingin minta penjelasan di sini mengenai perkara seperti haze ini, adakah Yang Berhormat mempolitikkan isu ini dapat memperbaiki keadaan yang ada sekarang? Mengenai Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak, Yang Berhormat dari Kota Melaka, pada 24, 25 September 1997 saya berada bersama-sama beliau di Mesyuarat Public Account Committee. Persoalan itu ditanya kepada saya. Yang penting saya katakan, iaitu apa yang penting sekarang Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atau dengan izin, the solution yang kita harus cari untuk menangani masalah ini. Kalau kita kaitkan Ahli Parlimen dari Sarawak, Ahli Parlimen Barisan Nasional tidak dapat membelakan pemimpin-pemimpin mereka, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, ini a very shallow reasoning. Oleh kerana itu, saya berharap teruskan ucapan, kerana saya sendiri pun ingin berucap mengenai masalah ini, kerana ini masalah negara. Saya setuju, saya betul-betul kagum kerana Yang Berhormat Ketua Pembangkang sangat prihatin terhadap masalah ini, sampai ke seluruh negara sanggup jalan sana-sini ambil signature, dengan izin. Tetapi yang ingin saya tanya sekarang, tadi banyak soalan diajukan kepada Menteri tentang tidak tepat, dengan izin, the reading API tidak tepat, semua tidak kena. Saya tanya, sebagai Ketua Pembangkang yang betul-betul prihatin terhadap masalah ini, dengan izin, why don't you set your own station of reading and tell us the correct one? Sekian sahaja. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Bodoh!

Tuan Lim Kit Siang: Isunya ialah Ketua Menteri Sarawak, oleh kerana apa yang beliau kata hari ini...

Tuan Michael Lisa Kaya: Lepas.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tidak lepas. Apa yang saya rasa semua rakyat Sarawak mahu tahu ialah kenapa Yang Berhormat boleh berdiri untuk cuba mempertahankan Ketua Menteri Sarawak dalam perkara ini sungguhpun dia tidak berani dengan lantang, dengan jelas mempertahankan Ketua Menteri Sarawak, dia cuba elak sahaja. Kita perlu ambil satu pendirian yang tegas. Ini bencana jerebu,

tidak ada krisis yang begitu teruk yang dihadapi oleh rakyat Sarawak, kenapa Ketua Menteri boleh lari. Kalau dia kata dia keluar negeri untuk dapat SOS mission, kenapa tidak buat satu pengumuman sebelum beliau tinggalkan Sarawak. Tentulah ini satu honourable mission, tentulah public misi sebelum beliau lepas dari Sarawak, tetapi tidak. Apabila airport Sarawak tutup, semua kapal terbang tidak boleh berlepas. Hari yang ketiga, a window of opportunity untuk kapal terbang lepas, beliau menggunakan, dia cepat-cepat lari. Apa ini tanggungjawab. Window opportunity untuk rakyat Sarawak, bukan untuk Ketua Menteri lari daripada tanggungjawab beliau sebagai Ketua Menteri Sarawak.

Sebab itu bukan sahaja sudah hilang kelayakan sebagai pemimpin untuk sama ada negeri Sarawak atau pemimpin di Malaysia. Adakah Yang Berhormat berani send a message kepada beliau, "time for you to go"? Adakah berani? Kalau tidak berani, berdiri di sini cakap apa guna.

Tuan Michael Lisa Kaya: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap dia berani. Kalau tidak berani cakap lain tak guna. Itulah dengan izin, prepare to face the real issue and not to go round in circle.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah katakan tadi mengenai isu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Secara prinsip sudah pun diterangkan dalam akhbar pada hari ini. Itu isu berkenaan Yang Amat Berhormat sama Ahli Yang Berhormat. Kalau ada pertelingkahan, kita sendiri tahu. Tetapi walaupun beliau tidak ada di Sarawak seperti yang berlaku di sini, kedua-dua Yang Berhormat Timbalan Menteri Ketua Menteri Sarawak, Datuk Dr. George Chan Hong Nam dan Tan Sri Datuk Amar Alfred Jabu ditugaskan untuk menjaga keadaan sewaktu darurat. Ini bermakna satu kepercayaan kepada kedua-dua pemimpin, Timbalan Ketua Menteri dan kepercayaan ini diberi oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Waktu darurat diisytiharkan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi mengumumkan di Sarawak. Tetapi selepas itu....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat diingatkan bahawa Yang Berhormat cuma boleh soal...

Tuan Michael Lisa Kaya: Ya, saya menjelaskan. Selepas itu saya soal.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: ...bukannya menjawab atau memberi cadangan.

Tuan Michael Lisa Kaya: Saya soalkan, lajak belakang sedikit. Selepas itu, dengan izin, to uplift the emergency, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pergi ke Sarawak, bermakna secara prinsip saya berdiri di sini untuk menerangkan, bukan untuk mengatakan, menjelaskan di Parlimen ini semua dicatat. Tidak payah. Dengan izin, as educated people you don't have to send the message, you can read this. Walaupun begitu, saya harus terangkan di sini, itu oleh kerana prinsip kepercayaan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kepada Timbalannya. Prinsip kepercayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk melawat Sarawak to uplift the emergency. Saya rasa di dalam pendirian seperti begini gambaran itu berlaku. Saya ingin bertanya di sini...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat diingatkan sekali lagi cuma boleh soal.

Tuan Michael Lisa Kaya: Minta penjelasan, kenapa Ketua Pembangkang yang jarang memberi, secara prinsip saya ingin bertanya, kuasa kepada Timbalan ataupun kepada rakan yang sudah pasti. Apakah ertinya?

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Lim Kit Siang: Bukan beliau memberi kepercayaan kepada kedua Timbalan Ketua Menteri sama ada Datuk George Tan atau Alfred Jabu, masalahnya ialah tanggungjawab beliau sendiri sebagai Ketua Menteri, tanggungjawab itu dalam masa darurat, tidak boleh didelegasikan kepada sesiapa selain daripada beliau letak jawatan sebagai Ketua Menteri. [*Tepuk*] Kalau Yang Berhormat dari Bukit Mas tidak boleh faham ini kita tahu kenapa dia tidak faham. Bukan dia tidak faham, dia faham, tetapi saya tahu dia tidak boleh faham. Saya timbulkan perkara ini oleh kerana rakyat Sarawak semua kaum marah, mungkin Yang Berhormat dari Bukit Mas tidak marah, tidak boleh marah, tak tahu marah, tak berani marah. Tetapi rakyat jelata di Sarawak marah. Adakah Yang Berhormat dari Bukit Mas tahu, adakah Yang Berhormat dari Bukit Mas dapat feedback, maklum balas ataupun beliau semua pun tidak tahu.

Tuan Michael Lisa Kaya: Saya berada di dalam kawasan, jangan susah.

Tuan R. Karpal Singh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah Yang Berhormat rakan saya dari Tanjong bersetuju dengan saya kehilangan Ketua Menteri Sarawak [*Tepuk*] ada akibatkan sebagai satu rat abandoning a sinking ship. [*Ketawa*]. Jika ini SOS, kenapa keluarganya mengikuti beliau ke US? Jikalau mahu bohong, bohong dengan boleh dipercayai, bukan apa yang ada dilapor hari ini. Ini dalam *New Straits Times*, “Chief Minister Tan Sri Taib Mahmud said today, he left Sarawak for the United States during the state of environmental emergency cause by the haze to look for assistance from health and haze expert.” Dan di perenggan yang ketiga dalam laporan ini “Taib that left the state with his family”. Kenapa family pun berlepas dengan dia, barangkali dia panic. Di sini boleh meninggal dunia, oleh kerana meninggal negeri ke tempat lain. Itu apa yang benar, bukan kerana pergi ke sana untuk cari bantuan mengatasi apa yang dialami oleh negara kita. Adakah itu pendirian Yang Berhormat dari Tanjong?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, inilah masalahnya. Adakah Ketua Menteri Sarawak dapat izin kebenaran daripada Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri untuk lari daripada Sarawak dalam masa darurat, dengan keluarganya. Kita mahu tahu siapa keluarga yang sepenuhnya. Kenapa kalau mahu SOS mission untuk dapat pakar jerebu dan pakar kesihatan untuk menyelamatkan rakyat Sarawak, tidak ada pegawai-pegawai yang mengikuti yang mereka faham mengenai masalah-masalah teknikal, kenapa membawa keluarga, siapa keluarganya. Adakah rakyat Sarawak sekarang akan menanggung perbelanjaan mission Ketua Menteri dan keluarga beliau apabila mereka lari daripada Sarawak masa darurat? Adakah ini menjadi public expense. Kita harap bahawa Yang Berhormat ahli-ahli dari Barisan Nasional yang mahu mempertahankan Ketua Menteri Sarawak hari ini atau esok boleh datang ke Parlimen ini, dan saya harap Ketua Menteri datang sendiri, ia Ahli Parlimen, datang sendiri dan memberikan detail butir-butiran mengenai bila dia pergi, bila dia berlepas daripada Sarawak, negara-negara yang dia pergi, bukan sahaja United States, tentu ada negara-negara lain, siapa ahli keluarga beliau yang ikut dia, full itinerary, date of departure, siapa dia jumpa, siapa expert kesihatan, siapa expert jerebu Yang Berhormat Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Federal tak tahu ada pakar-pakar ini. [*Ketawa*] Dia pun tidak tahu ada pakar-pakar ini, dan apa hasil. Dia kata satu plan three years to seven years beliau tiada Ketua Menteri lagi, three year to seven year anti-haze plan. [*Ketawa*] Apa ini! Ini taking the people to much for granted. Saya harap bahawa inilah kita tidak mahu dan kita poltikkan isu bencana jerebu. Ini bukan satu isu politik, tetapi kalau ada pemimpin-pemimpin yang tunjuk adequate responsibility, tidak kira kita dari apa-apa parti demi kepentingan

orang ramai, demi kepentingan anak-anak Sarawak, kita perlu ambil satu pendirian yang tegas, dan kita rela kata kepada Ketua Menteri dia sudah silap dan sudah tiba masa untuk beliau letak jawatan, oleh kerana beliau sudah hilang kelayakan untuk terus memegang jawatan Ketua Menteri Sarawak. *[Tepuk]*

Saya harap beliau akan datang. Sebenarnya beliau sudah dapat beri notis yang cukup, saya sudah fax kepada beliau pagi ini, datang ke Parlimen untuk jawab account explain and justify his action. Saya harap bahawa dalam perkara ini kita boleh menumpukan khasnya menyampaikan hasrat rakyat bahawa dalam perkara ini Kerajaan Indonesia perlulah memikul tanggungjawab dan menerima tuntutan ganti rugi rakyat dan Kerajaan Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bukit Mas.

5.22 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk ambil bahagian dan menyokong usul yang dibentang sebentar tadi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sebagai salah seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional dari Sarawak, saya menyokong penuh segala bunyi usul dan menyokong penuh segala usaha kerajaan yang telah diambil selama bencana jerebu yang melanda seluruh negara, dan kita merasa dukacita bahawa perkara seperti ini sudah berlaku di negara kita. Kita semua sedar bahawa walaupun kita menganuti berbilang agama, saya sebagai seorang Kristian, manusia susah dipisah dengan alam sekitar. Ini memang satu prinsip ataupun ajaran dasar. Kita sebagai pemimpin yang bertanggungjawab atas alam sekitar, alam semulajadi yang dicipta, kita berdiri di sini seperti yang saya katakan tadi merasa dukacita kerana pada 23 September 1997 darurat telah diisytiharkan di negeri Sarawak kerana apabila indeks pencemaran udara telah mencapai tahap 658. Pada 23 September 1997 tahap yang tinggi sekali pernah dialami paras yang begitu merbahaya di negeri Sarawak iaitu 839.

Walaupun saya merakamkan perasaan dukacita, saya juga merakamkan dukacita kerana pihak pembangkang tidak ada di sini. Ini saya rasa tidak bertanggungjawab, oleh kerana banyak tohmah yang telah diutarakan tadi tidak mengirakan perasaan sentimen kita. Selepas itu rakan kita Yang Berhormat Ketua Pembangkang yang sudah fasih, berpengalaman, sudah lama di dalam Dewan ini, selepas berucap tinggal sahaja. Kalau boleh balik, dengar orang Sarawak berucap walaupun kita baru penggal yang kedua, ada sedikit yang kita hendak hantar mesej kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebelah sana.

Ini ternyata benar bahawa bencana ini bukan sahaja dirasakan oleh penduduk-penduduk di Sarawak, tetapi juga di seluruh negara di Malaysia. Saya tidak mengatakan di sini bahawa orang di Semenanjung tidak merasa lebih teruk daripada Sarawak, tetapi yang penting sekali sebagai pemimpin, isu alam sekitar ini, oleh kerana ia telah dibentangkan pada Dewan Rakyat kali ini yang menandakan bahawa pucuk pimpinan negara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya rasa sekiranya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berada di Malaysia sekarang ini, beliau akan membentangkan isu ini, tetapi malangnya beliau di luar negara. Ini menandakan kerajaan betul-betul prihatin terhadap masalah yang kita hadapi sekarang. Tetapi saya rasa kecewa seolah-olah pihak rakan kita sebelah sana membaca, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, prepare text dan selepas itu tinggal sahaja. Saya selama ini duduk tidak langsung mendengar apakah, dengan izin, the solution pihak pembangkang hanya bertanya kepada kerajaan. Oleh kerana itu, saya rasa betul-betul kecewa. Saya rasa tadi sebagai anak Sarawak ingin tahu secara jelasnya apakah cara yang baik sekali untuk kita menangani masalah ini. Oleh kerana bukan sahaja tahun ini, mungkin tahun depan perkara ini akan berlaku. Kalau misal kata, Tuan Yang di-Pertua, kebakaran berlaku di Sumatra, di Indonesia, di Kalimantan, kalau tidak angin, mungkin jerebu terus naik ke langit. Tetapi oleh kerana ada angin meniupkan, itu sebabnya pergi ke udara kawasan Malaysia, Sabah dan Sarawak dan Semenanjung, Filipina dan Singapura. Ini bukan di bawah kawalan kita sebagai seorang manusia. Saya ingin tahu tadi bolehkah DAP mengawalkan perkara ini, itu yang saya ingin tahu. Tetapi selepas berucap lebih satu jam tidak ada apa-apa yang saya dengar.

Oleh kerana itu, saya berharap kita sebagai pemimpin di dalam Dewan Rakyat ini, oleh kerana ini telah dibentangkan pada hari ini, satu mesej sudah dihantar di seluruh negara, di seluruh rantau Asia Pasifik, di Indonesia sudah dihantar mesej itu. Tidah payahlah kita mengatakan minta supaya ganti rugilah, minta supaya perkara seperti ini akan dibuat. Tetapi yang penting itu saya ingin tahu apakah yang terjadi selepas ini oleh kerana perkara ini sudah dibentang di dalam Dewan Rakyat.

Ini yang penting, saya berharap saudara pihak dari pembangkang tidak payahlah sebut Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pergi keluar negeri tak kena mengena, dengan izin, on the solution to this problem, tak kena mengena. Secara peribadi yang penting di pihak kita sebagai pemimpin negara, kita harus bergabung tenaga, pemikiran kita, pandangan kita semua, ini baru saya katakan

pemimpin yang wujud dan juga pemimpin yang bakal untuk menjaga negara kita menjelang tahun 2020.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Michael Lisa Kaya: Boleh, saya boleh beri.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak bertanya rakan saudara daripada PAC, sama ada beliau masih ingat apabila saya ada menunjukkan atau mengajukan soalan kepada beliau tentang sama ada Ketua Menteri beliau ada di Sarawak atau tidak, masa itu beliau sendiri pun tidak tahu dan adakah beliau bersetuju atau tidak, kalau dalam masa darurat seseorang ketua menteri tidak boleh delegasikan jawatannya atau tugasnya kepada orang lain kerana masa itu ialah darurat. Kalau dia boleh delegasikan kuasanya ini sudah bukan darurat kecuali dia letak jawatan.

Oleh sebab itu, saya rasa kalau kita bercakap tentang kualiti pemimpin, kualiti yang paling penting sekali ialah apabila dalam sesuatu keadaan yang dianggap sebagai darurat, ia mesti bersama rakyat bukan lari dan meninggalkan rakyat menghadapi segala-galanya.

Saya rasa kita tidak mahu pengecut politik seperti Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak terus memimpin rakyat Sarawak kerana tidak rela bersama-sama menghadapi krisis jerebu dengan mereka.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan ataupun penjelasan saudara rakan saya sebelah sana, itu

jawapan yang tepat, yang jelas daripada Bukit Mas. Saya cuba senaraikan 24 dan 25 September kita ada Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara, saya mewakili Sarawak Tuan Yang di-Pertua, sudah dua penggal.

Cuba bayangkan dari Miri sampai Kota Kinabalu, saya sanggup drive kereta pukul 1.00 petang bertolak dari Miri dan sampai pukul 3.00 pagi di Kota Kinabalu, terbang pada 23 September dan 24 September di sini. Memang saya betul ada mengatakan saya tidak tahu. You hendak jawapannya ya? Itu jawapan saya. Saya katakan apabila saya balik, saya akan find out, adakah betul?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai persoalan beliau layak atau tidak layak memimpin negeri Sarawak, kita ini di dalam demokrasi berparlimen, macam sekarang di dalam Majalah *Times*, *Review*, *Asiaweek* mengatakan banyak tuduhan mengenai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Yang penting, dengan izin, the people whom you govern, mereka yang dapat menggulingkan, bukan pihak DAP. Minta maaf, yang dapat menentukan siapa yang memimpin negeri Sarawak iaitu PBB, more than 50%, dengan izin, menguasai negeri Sarawak, I am from PBB, Tuan Yang di-Pertua, ini masalah teknikal, tak payah saya terangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meneruskan, sebagai seorang

Tuan Chiew Chiu Sing: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun, Bintulu.

Tuan Michael Lisa Kaya: Kalau Ahli Yang Berhormat, janganlah, something else canlah, dengan izin. *[Ketawa]*

Tuan Chiew Chiu Sing: Minta jalan, ada perkara baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada perkara baru Yang Berhormat.

Tuan Michael Lisa Kaya: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

Tuan Chiew Chiu Sing: Saya ingin minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas. Adakah Ketua Menteri layak, kalau menjadi seorang Ketua Menteri Sarawak ataupun seorang yang menjadi bapa, kalau anak dia sudah masuk hospital emergency dan kemudian dia sendiri lari. Sekian.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan simple, jawapan simple, dengan izin. Layak! Siapa yang menentukan dia layak, anaknya sendiri, bukan orang lain. Di dalam keluarga, kalau ada perpecahan misal kata, siapakah yang layak menentukan si bapa menjadi penjaga di dalam keluarga, bukankah ibu dan anak atau orang lain? Orang lain yang memberi makanan setiap harikah, cuma bunyi-bunyi sahaja seperti kawan di sebelah sana.

Tuan Lim Guan Eng: Ini dera anak.

Tuan Michael Lisa Kaya. Cukuplah!

Tuan Yang di-Pertua, memang perkara seperti begini kita tidak dapat elakkan kerana tadi diterangkan di Indonesia, 800,000 hektar kawasan yang dibakar, cuba kita bayangkan, kita renungkan, siapa pemimpin di dunia ini ingin supaya negaranya dapat dibakarkan seperti ini? 800,000 hektar, saya kurang ingat berapa besar negara Singapura. Cuba bayangkan besar kawasan ini.

Presiden Indonesia pun tidak mahu, oleh kerana perkara ini diluar kawalan kita. Oleh sebab itu, saya berharap semua kita pemimpin-pemimpin di sini cuba bantu kerajaan. Saya ingin berdiri di sini sebagai Barisan Nasional, Ahli Parlimen dari Sarawak, walaupun apa yang mereka katakan, kita berdiri teguh di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negara dan termasuk Yang Berhormat Dato' Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingin dengan izin, to kill the mosquitoes don't burn the mosquitoes net. Saya rasa di Malaysia ini, kalau ada satu masalah, semua tangan tunjuk kepada kementerian, menteri, ketua menteri letak jawatan, ini yang kita selalu dengar, tujuh tahun di dalam Dewan ini, tetapi yang saya ingin betul-betul mahu tahu ataupun minta jawapan yang jelas, cadangan yang jelas daripada saudara pihak pembangkang iaitu kalau misal kata, dengan izin, the reading indeks pencemaran udara tidak tepat, not correct by the Malaysian Government reading, dengan izin, saya cadangkan

tubuhkan satu stesen untuk DAP apa salahnya, tidak ada salah, membantu negara Malaysia, negara yang kita cintai, misal kata.

Kita tahu, apakah akibatnya darurat di negeri Sarawak dari segi kos ekonomi, kerugian RM1 bilion dalam sepuluh hari, kalau di Banjarmasin di Kalimantan, Indonesia, berdekatan dengan negeri Sarawak, pada satu masa iaitu 20 orang budak-budak sekolah pengsan akibat masalah jerebu ini. Saya bayangkan kalau darurat tidak diisytiharkan di Sarawak, banyak perkara yang akan berlaku, itulah sebabnya kita mengucapkan terima kasih kerana kerajaan mengambil tindakan yang tepat dan cepat dan kena pada masanya.

Saya tidak ingin memanjangkan ucapan saya dan ingin bertanya atau mengutarakan persoalan kepada kementerian, beberapa persoalan, pertama kali walaupun kita mendengar di dalam akhbar tempatan 18 buah syarikat yang secara langsung terlibat di dalam kejadian ini iaitu kebakaran di Sumatera dan di Kalimantan daripada Malaysia, kalau boleh, bolehkah Yang Berhormat Dato' Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kepada Parlimen iaitu kebbaikannya walaupun syarikat-syarikat ini dimiliki ataupun adalah anak syarikat kerajaan negeri-negeri di Semenanjung dan di Sarawak, waktu kita menghadapi bencana seperti begini, tidak patut kita dengan izin, pointing fingers at them, oleh kerana selama ini dalam tahun-tahun kebelakangan ini, saya terus terang dengan jelas secara prinsip, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kenal beberapa syarikat ini, mereka menyumbang banyak di dalam segala aspek ekonomi kepada negara kita, tidak semestinya kita dengan

secara dengan izin, which hunt now bolehkah ini dapat membantu kita menyelesaikan masalah ini?

Kalau boleh, senaraikan semua syarikat ini supaya kita dapat juga mengatakan misal kata, dengan jelas, Syarikat Tradewin membuka banyak kawasan di kawasan saya Bukit Mas, kalau Tradewin tidak masuk ke kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, jalan raya pun belum ada, peluang pekerjaan pun tidak ada, sebab bayangkan kebaikan dan sokongan, dorongan syarikat-syarikat tersebut kepada pembangunan negara.

Dan sebaliknya untuk menyenaraikan nama-nama syarikat supaya kita ingin tahu mana-mana syarikat yang belum lagi menyumbang kepada tabung untuk membantu Kerajaan Malaysia menghantarkan pegawai-pegawai bomba ke Indonesia, misal kata.

Yang kedua, saya ingin tahu, berapakah kerugian secara estimate, dengan izin, dialami oleh kerana bencana di negeri Sarawak, kita sudah tahu, tetapi di seluruh negara Malaysia. Tujuan kita, bukan untuk meminta pampasan, dengan izin, not for compensation, saya tidak bersetuju dengan pandangan saudara kawan kita di sebelah sana, dengan izin, what does it do, what does it help, it helps nothing, kita tidak perlu meminta pampasan daripada Indonesia, kita perlu membantu untuk menandakan bahawa Malaysia boleh membantu rakan 'jiran' negara yang menghadapi masalah seperti begini. Ini yang penting, tetapi secara estimate supaya kerajaan dan rakyat betul-betul faham bahawa bencana ini betul-betul dapat membawa akibat yang buruk sekali. Dan kalau boleh, kalau memakan kerugian berbilion-bilion ringgit,

apakah salahnya kerajaan mengarahkan satu institut untuk membuat kajian sampailah ke soalan yang ketiga, buat kajian secara mendalam supaya pada sepuluh tahun yang akan datang, masalah ini berlaku, tak payahlah kita undang dari Perancis, dari Amerika Syarikat, dari Jepun, kita sendiri ada pakar sendiri, mulai daripada sekarang, kalau boleh. Dan mereka ini harus mengkaji apakah langkah-langkah untuk dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang harus kerajaan ambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir, saya baru balik dari Taiwan dua hari yang lalu mengikut rombongan daripada Sarawak, meninjau keperluan dalam bidang pertanian. Mereka di sana takut pergi ke Malaysia dan pada tahun yang akan datang, Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Komanwel (SUKOM). Sekiranya kita tidak membuat kajian seperti begini sekarang dan menyebarkan maklumat terkini supaya kita sendiri, faham tentang akibatnya, saya rasa dari segi kerugian long term, dengan izin, di dalam bidang pelancongan kita dapat mengalami banyak kerugian.

Yang akhir sekali pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Dato' Menteri, oleh kerana saya rasa mungkin pada masa yang akan datang, Sarawak yang menjadi mangsa lagi kerana dekat dengan Kalimantan, kita tidak dapat pisahkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ini dicipta oleh orang yang di atas sana, berapakah stesen-stesen yang ada sekarang iaitu alat pengesan indeks pencemaran di negeri Sarawak. Saya pun tidak tahu, betul-betul mahu bertanya, di kawasan saya belum ada, kalau boleh tambahlah lain kali, suruh minta banyak peruntukan daripada Persekutuan, Yang Berhormat Dato'

Menteri, di setiap kawasan seperti di Kuching, memang ada sekarang, Sibu saya tidak tahu sama ada, ada, di Sarikei di kawasan Yang Berhormat Dato' Menteri sendiri, kalau tidak ada, saya sarankan minta buat di dalam kawasan Yang Berhormat Dato' Menteri sendiri, kita pun mahu sokong menteri, Tuan Yang di-Pertua, ini prinsip yang adil, prinsip Barisan Nasional, bukan buat tohmahan seperti DAP, selepas itu lari, tidak mahu buat dengar. Saya mahu kalau boleh buat satu stesen di kawasan saya di Bukit Mas. Susahlah Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada kapal terbang dua minggu, kapal yang kecil itu twin-otter, dengan izin, kawasan saya pakai twin-otter sahaja, kalau tidak melalui Brunei.

Saya pergi seperti yang saya katakan tadi, saya fikir dua kali, kalau saya tidak pergi, tidak adalah wakil Sarawak yang akan hadir. Pukul 1.00 tengah hari dengan kereta lalu Brunei dan sampai pukul 3.00 pagi di Kota Kinabalu. Banyak jerebu, 30 kilometer, 40 kilometer, ini menandakan kepada rakan saya di sebelah sana, kita pemimpin di Barisan Nasional khususnya backbencher walaupun banyak orang yang ada style, ada prinsip, ada keduanya.

Dan akhir sekali

Tuan Md. Isa bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada kawan yang bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Michael Lisa Kaya: Ya.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas tentang stesen IPU ini. Kalau di Sarawak ikut pengalaman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas, dia terpaksa memandu begitu jauh, tetapi adakah Ahli Yang Berhormat sedar bahawa mungkin anggapan masyarakat kita bahawa Perlis tidak terlibat dengan kejadian jerebu ini kerana kalau dilihat di kaca TV tidak ada indeks IPU, tetapi sebenarnya di Perlis pun berlaku jarak penglihatan tidak melebihi daripada 1.5 kilometer.

Jadi, ini mungkin disebabkan oleh pandangan rakyat bahawa kita bergantung kepada indicator yang disediakan oleh ASMA di Sungai Petani. Jadi, adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa indicator ini patut dibekalkan oleh ASMA banyak lagi di tempat-tempat lain termasuk di Sarawak yang begitu besar, saya faham kita ada satu, di Terengganu ada di Kemaman, di tempat Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri tidak ada, malah di Perlis tidak ada. Adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju kiranya pihak kementerian dapat membekalkan alat-alat ini kepada semua negeri di seluruh negara pada masa yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju, sekiranya kerajaan tidak ada wang yang mencukupi, kita minta supaya tabung ini diperbesarkan.

Tuan Yang di-Pertua, ini secara ringkas, saya makan tengah hari bersama seorang kawan saya di sebelah sini daripada Semenanjung, dia mengatakan, dengan izin, without them asking I give RM200,000, katanya,

dengan izin, I don't want it to be publicise. Saya rasa banyak orang di Malaysia yang ada simpati seperti begini dan saya menyarankan kepada Yang Berhormat Dato' Menteri kalau boleh bekalkan di seluruh negara, senang kita menghadapi pilihan raya pada lain kali, mungkin Dato' Menteri dapat sekali lagi, ini terus terang saya katakan, Yang Berhormat Dato' Menteri, sudah berapa kali tanpa bertanding Tuan Yang di-Pertua, menandakan bahawa beliau betul-betul ada kewibawaan dan tidak payah kita menyoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, walaupun banyak yang berlaku yang kita telah bincangkan di dalam Dewan ini, banyak sedikit pertelingkahan, perselisihan pandangan, masalah pencemaran udara, masalah jerebu ini, mesti akan berlaku pada masa yang akan datang dan di sini saya ingin merakamkan banyak terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Pengerusi Jawatankuasa Bantuan Bencana Negara iaitu Yang Berhormat Dato' Menteri Penerangan dan juga Yang Berhormat Dato' Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di atas segala usaha dan kerja keras yang telah dilakukan dalam tempoh masa jerebu melanda negara terutamanya di Sarawak. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Marang.

5.50 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Semua lapisan rakyat negara kita di rantau ini dan seluruh dunia tanpa mengira agama dan bangsa memberi perhatian serius terhadap masalah jerebu setelah ianya melanda rantau ini tetapi tidaklah sehebat itu perhatian diberi terhadap punca-punca yang menyebabkannya sebelum daripada masalah jerebu ini berlaku, semua kita menyedari ianya berlaku hasil daripada kecuaiian manusia sendiri yang berpunca daripada kerakusan dan ketamakan tanpa batas untuk mengejar kepentingan ekonomi untuk peribadi dan golongan yang tertentu tanpa mengira kepentingan orang lain atau masyarakat umum.

Kepada umat Islam, mereka mengambil kira juga perkara ini sebahagian daripada bala bencana, hukuman yang dikenakan oleh Tuhan hasil daripada kerja-kerja silap yang dilakukan oleh manusia. Al-Quran telah memberi amaran secara umum dan khusus sejak lebih 1,400 tahun yang lalu, di antaranya ayat Al-Quran menyebut [*Membaca ayat Al-Quran*]:

“Telah zahirilah dengan nyata keburukan di darat dan di laut hasil daripada kerja-kerja yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia sendiri supaya dirasakan kepada mereka sebahagian daripada perbuatan mereka sendiri, mudah-mudahan mereka kembali kepada yang sebenar.”

Dan di dalam Al-Quran sendiri ada suatu surah yang dinamakan Surah Ad-Dukhan, asap ataupun jerebu, menerangkan ia merupakan satu bala bencana di mana di dalam ayat 10 hingga 15. Surah ini telah memberi amaran tentang bahaya asap, bahaya jerebu. Firman Tuhan: [*Membaca ayat Al-Quran*] yang bermaksud:

“Maka tunggu dan lihatlah di hari langit membawa jerebu asap yang nyata, menyelubungi manusia dan ini adalah suatu azab yang memedihkan. Mereka berkata, wahai Tuhan, lepaskanlah kami dari azab ini sesungguhnya kami semua beriman dari mana datangnya peringatan untuk mereka, pada hal telah datang kepada mereka Rasul yang menerangkan. Kemudian mereka berpaling daripadanya dan mereka berkata ia seorang Rasul yang diajar oleh manusia, seorang yang gila bukannya utusan Allah. Tuhan menyatakan: Kami akan melepaskan azab itu dalam masa yang sedikit sahaja, boleh dihilangkan tetapi kamu kembali semula melakukan kesalahan.”

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menafikan bahawa ianya bermula daripada kebakaran yang berlaku di Indonesia, oleh kerja-kerja yang dilakukan oleh manusia yang rakus tetapi di sana ada angin yang bertiup, udara yang menentukan pelbagai keadaan yang tidak boleh dikawal oleh semua kerajaan yang ada di dalam dunia ini dan ia berada di dalam kawalan Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyedari bahawa di sana ada beberapa kesilapan sama ada secara langsung atau tidak langsung, secara langsung berlaku oleh pembakaran hutan tanpa teratur dan mengikut peraturan oleh kalangan yang tertentu yang mengira kepentingan diri mereka sahaja. Tidak mengira kepentingan orang lain, kepentingan manusia, kepentingan haiwan, kepentingan tumbuh-tumbuhan, kepentingan alam sekitar tanpa mengira keselamatan, kesihatan, produktiviti yang terjejas dan lain-lain.

Kita semua membaca dan mendengar bagaimana berlakunya kemalangan, kapal berlanggar di laut, pesawat udara terhempas ke bumi dan

ada nelayan yang tersesat tidak dapat kembali ke pangkalan kerana mereka tidak mempunyai alat-alat yang cukup dan mereka terpaksa turun ke laut untuk mencari rezeki kerana sebahagian besar daripada mereka adalah kalangan miskin, oleh kesilapan yang dilakukan oleh golongan yang telah kaya raya dan rakus membakar hutan untuk mendapat kekayaan yang lebih banyak.

Kita perlu menyedari bahawa di sana ada kecuaiian, tidak ada tindakan awal oleh pihak yang berkenaan di Indonesia sendiri, walaupun sudah berlaku kebakaran yang membawa jerebu beberapa tahun yang lalu, apakah mereka tidak mengambil iktibar dan pengajaran daripada peristiwa yang lalu, sehingga tidak ada tindakan pencegahan yang berkesan dan tidak dinafikan adanya kecuaiian daripada pihak yang berkenaan di Indonesia dan sangat malang sekiranya benar desas desus yang mengatakan bahawa syarikat-syarikat yang terlibat dengan kebakaran dari Indonesia kepunyaan orang-orang yang berpengaruh ataupun mempunyai hubungan dengan pemimpin-pemimpin yang berpengaruh di Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kita merasa hairan mengapa berlakunya kelambatan oleh pihak Secretariat Asean sehingga terlalu lembap mengambil inisiatif yang sepatutnya diambil dengan segera, adakah pertubuhan ini lebih mementingkan program ekonomi yang dapat memberi kesenangan secara langsung tanpa mengambil kira untuk bertindak segera dan menghadapi bala bencana seperti ini.

Sekarang baru ada tindakan yang begitu deras, yang begitu cepat pada masa perkara itu di peringkat awalnya kita tidak nampak kesungguhan. Pada

masa ianya berlaku di kali yang pertama dahulu, tidak ada kesungguhan. Di sana juga kita perlu menyedari ada kesilapan yang tidak dipandang, ada kena mengena dengan bala bencana ini secara langsung ianya secara tidak langsung sahaja iaitulah penjerebuan pemikiran yang menimbulkan pelbagai gejala politik, ekonomi, sosial, akhlak, di antaranya gejala akhlak yang menyebabkan pemikiran manusia berjerebu dan mereka menjadi lupa daratan yang melahirkan kerakusan, ketamakan ekonomi, politik, kekuatan dan segala-galanya dan kita perlu menyedari bahawa jerebu yang datang sekarang ini lebih dahsyat daripada jerebu yang dahulu. Yang kedua lebih dahsyat daripada dahulu dan kita bimbang kalau ini tidak ditangani dengan sebaik-baiknya dan tidak menjadi pengajaran kepada manusia di rantau ini khasnya dan manusia umumnya akan membawa penjerebuan yang lebih dahsyat di masa-masa yang akan datang bukan lagi daripada kebakaran hutan tetapi yang lebih membimbangkan ialah kerana merompak dan menyamun hutan yang membawa peperangan nuklear yang membawa jerebu yang membunuh manusia dengan cara yang lebih dahsyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita hendaklah mengambil tanggungjawab bersama dalam menangani masalah ini. Oleh kerana itu, maka kerajaan hendaklah mengambil tindakan jangka pendek dan jangka panjang. Di antaranya hukuman yang berat hendaklah dikenakan ke atas penjenayah alam sekitar kerana kita dapati hukuman yang dikenakan kepada penjenayah alam sekitar sekarang tidak mencukupi, terlalu kecil, tidak sepadan dengan kesalahan yang dibuat, tidak sepadan dengan keuntungan yang mereka dapat,

denda hanya beberapa ribu sahaja, sedangkan keuntungan yang mereka dapat berpuluh mungkin beratus kali ganda, berjuta-juta, dendanya beberapa ribu, mereka boleh bayar denda, boleh bayar pampasan, boleh bayar apa sahaja kerana hukumannya terlalu ringan.

Kerajaan hendaklah mengambil hukuman yang berat, tindakan yang berat untuk menyedarkan mereka yang melakukan jenayah dan untuk memberi kesedaran kepada yang belum melakukan jenayah. Yang kedua, kerajaan hendaklah mengadakan undang-undang yang lebih tegas sebelum daripada kemalangan itu berlaku. Dan yang ketiga, memberi kesedaran kepada semua peringkat tentang perlunya menjaga alam sekitar.

Akhirnya, bagi pihak PAS saya menyokong pada dasar dan prinsipnya segala usul yang dikemukakan di dalam Dewan ini dengan harapan pihak kerajaan juga hendaklah mengambil kira segala pandangan yang diberi oleh semua pihak termasuklah pihak pembangkang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Machang.

6.02 ptg.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tindakan kerajaan membentangkan Usul ini adalah menunjukkan dengan jelas bahawa betapa prihatinnya kerajaan terhadap masalah jerebu yang sedang melanda negara kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah jerebu ini tidak boleh dipolitikkan, ini bukan isu politik tetapi isu sejagat, isu rakyat Malaysia yang perlu ditangani oleh semua pihak tanpa menjadikannya sebagai suatu isu politik.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar bahawa sebab musabab kepada berlakunya perkara ini sememangnya tidak dipertikaikan oleh semua pihak, hampir sependapat bahawa masalah jerebu yang berlaku di negara kita sekarang ini adalah berpunca daripada masalah sebahagian besarnya ialah kerana tindakan dan perbuatan orang lain yang sekali gus telah mengakibatkan kepada negara kita mengalami masalah yang sebegini teruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan bahawa isu ini tidak perlu dipolitikkan kerana saya pernah mendengar di peringkat bawah oleh satu golongan politik tertentu yang mentohmahkah bahawa jerebu ini berlaku dalam negara kita ialah kerana pemimpin-pemimpin negara kita, pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat melakukan maksiat dan sebagainya sehingga turunlah bala dari Allah S.W.T.

Di masjid-masjid dan di kampung-kampung isu ini telah dipolitikkan dengan mengatakan bahawa berlakunya masalah ini ialah kerana Allah S.W.T. menurunkan bala kepada Kerajaan Malaysia yang tidak melaksanakan hukum Allah S.W.T. dan sebagainya. Perkara ini berlaku di negeri Kelantan, saya nyatakan tadi bahawa sebagai umat Islam kita mempercayai, malah saya sependapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Marang, kita bersetuju bahawa sesuatu yang berlaku itu adalah di dalam kawalan Allah S.W.T. Beliaulah yang maha berkuasa dan menentukan segala-galanya.

Tetapi pada masa yang sama, apabila berlaku sesuatu kita hendak menuduh bahawa orang lain tidak betul, maka turunnya bala, seolah-olah mereka hendak menjadikan isu ini sebagai isu politik. Adalah tidak tepat dan tidak adil bila berlaku sesuatu yang menurunkan malapetaka kepada rakyat maka kita menyalahkan orang lain.

Kelemahan utama kita ialah kita tidak boleh menilai kelemahan diri sendiri, apa yang dilakukan oleh diri kita, walaupun ianya adalah baik, walaupun ianya kadang-kadang tidak baik kerana kita yang melakukan maka kita kata, baik. Tetapi jika sesuatu itu dilakukan oleh orang lain, walaupun ianya baik, kadang-kadang tidak boleh menerima hakikat menyatakannya baik.

Kalau itu hujah yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu, terutamanya di negeri Kelantan sekarang, oleh kerana mereka berkata di Kelantan tidak ada jerebu kerana di Kelantan tidak ada maksiat, bagaimana pula dengan Terengganu yang juga tidak ada maksiat, di perintah oleh kerajaan yang sama, juga tidak ada jerebu di negeri Terengganu yang diperintahkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, sebab itu bila kita hendak mengatakan sesuatu, apabila kita hendak melemparkan tuduhan kepada orang lain, kemudian menjemput Tuhan berada di sebelah kita, maka ini adalah tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, kita perlu memperbaiki diri dan melihat masalah ini sebagai suatu isu nasional dan jangan menuding jari kepada mana-mana pihak. Saya telah nyatakan tadi bahawa saya sependapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Marang bahawa segala-gala yang berlaku itu

sebagai umat Islam, kita percaya ianya berada di bawah kekuasaan Allah S.W.T. Dialah yang akan menentukan segala-galanya.

Tetapi persoalan sekarang ialah kita mesti mencari jalan mengatasi masalah ini, kita minta daripada pihak parti pembangkang sendiri, mencari jalan dan mengemukakan idea-idea yang bernas bagaimana masalah ini dapat diatasi kerana ianya sudah menjadi suatu perkara yang perlu ditangani secara bersama, secara bijak tanpa mempolitikkan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambah sedikit seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong di awal-awal tadi. Rasa tidak puas hati rakyat Malaysia khususnya Dewan yang mulia ini, Ahli-ahli Parlimen daripada Dewan ini tentang kelembapan dan tidak bersungguh-sungguh pihak Kerajaan Indonesia untuk mengatasi masalah ini.

Sebagai sebuah negara jiran, kita menghormati masalah yang berlaku di dalam negara Indonesia adalah masalah dalaman sendiri, tetapi apabila sesuatu itu berlaku dan menjejaskan jiran atau negara lain, maka kita memerlukan satu semangat setiakawan dan jangan malu untuk menerima bantuan bagi mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, punca telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ialah kebakaran hampir 1,000 tempat di Indonesia yang melibatkan lebih kurang 800,000 hektar kawasan, jelas ianya merupakan suatu kesan dan implikasi yang nyata yang berlaku kepada masalah jerebu pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hubungan yang sama, sebagai melahirkan hasrat dan prihatin rakyat Malaysia, saya hendak mencadangkan kepada kerajaan bahawa usul yang diluluskan di Dewan yang mulia ini dihantar kepada Bapak Presiden Suharto di Indonesia dan kalau boleh dihantar kepada Dewan Perwakilan Rakyat Indonesia, betapa kita prihatin dengan masalah yang berlaku ini dan mereka tidak perlu merasakan rendah diri untuk menerima bantuan bukan sahaja daripada negara Malaysia tetapi daripada organisasi-oraganisasi lain, daripada seluruh dunia untuk menangani masalah tersebut.

Saya percaya, Indonesia dengan 200 juta penduduk sekarang, berbanding dengan kita hanya hampir 20 juta, tentulah mereka mempunyai tenaga kerja yang lebih untuk mengatasi masalah ini. Dan kalau kita sanggup menghantar sejumlah ataupun sedemikian banyak tenaga sukarela untuk membantunya maka pihak Indonesia mestilah menunjukkan keupayaan dan usaha yang lebih gigih untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi pihak pembangkang Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mengkritik dengan hebat sekali masalah ketiadaan Ahli Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak semasa krisis ini berlangsung. Saya tidak berharap ataupun untuk melibatkan diri dengan kemelut permasalahan itu. Tetapi, saya hendak membandingkan dengan suatu situasi. Soal ada tidak adanya seorang pemimpin dalam negara bila berlaku sesuatu itu bukan merupakan satu isu penting. Isu penting ialah sama ada masalah itu telah dapat ditangani oleh kerajaan tersebut dengan baik. Dan kita lihat, saya percaya dan

kita semua yakin bahawa tindakan yang dibuat oleh kerajaan kita setakat ini termasuk mengisytiharkan darurat di Sarawak, sebab kita tahu tindakan untuk mengisytiharkan darurat ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah tindakan yang patut dipuji kerana kita tahu bila darurat diisytiharkan, ianya merupakan suatu usaha ataupun suatu langkah terakhir, ianya akan membawa kesan yang amat berat kepada ekonomi negara ini. Tetapi, oleh kerana masalah itu serius, kerajaan sanggup walaupun mengalami kerugian, betapa prihatinnya kerajaan kepada masalah yang dipikul oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, soal sama ada Ketua Menteri berada di Sarawak atau berada di luar negeri, pada saya adalah suatu isu yang tidak besar, isu yang besar ialah sama ada Kerajaan Negeri Sarawak telah berjaya menangani masalah itu sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, apa maknanya ada dalam negeri, misalannya seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, berada dalam negeri, tetapi tidak melakukan sesuatu yang positif untuk menyelesaikan masalah bekalan air di Kelantan sekarang. Ada di dalam negeri tetapi tidak berbuat apa-apa, tidak membawa apa-apa makna. Lebih baik berada di luar negeri kalau masalah dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, di Kelantan sekarang masalah bekalan air di Kelantan adalah merupakan satu masalah yang paling serius sehingga rumah-rumah baru yang dibina di negeri Kelantan sekarang tidak dapat dimasuki air, tidak boleh disambung bekalan air ke rumah berkenaan, beribu-ribu buah rumah yang dibina sekarang ini tidak boleh menerima bekalan air. Ini pun

masalah besar juga. Jadi, buat apa berada dalam negeri kalau masalah rakyat tidak boleh selesai, lebih baik berada di luar negeri tetapi masalah rakyat boleh selesai.

Pada saya isu sama ada ketua negara berada dalam negara atau tidak, itu isu yang kedua, isu penting ialah kebijaksanaan kerajaan tersebut untuk menyelesaikan masalah yang dialami oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengingatkan masalah di Kelantan, masalah bekalan air sekarang ini agak meruncing di negeri Kelantan. Nasib baik rakyat negeri Kelantan ini bersabar, kalau rakyat Kelantan itu mempunyai sikap agresif seperti rakyat lain, saya rasa sudah berarak sekarang ke pejabat Menteri Besar. Tolonglah Kerajaan Negeri Kelantan mengambil sikap sepertimana yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk menangani masalah ini. Masalah yang berlaku ini telah lama rakyat di negeri Kelantan bersabar, bukan sahaja masalah air yang kotor, tekanan air yang rendah, tetapi di akhir-akhir ini bekalan tidak boleh masuk ke rumah-rumah baru dibina, rumah-rumah yang sudah siap tidak mendapat bekalan air, merungut kontraktor-kontraktor pembinaan dan orang-orang individu, perseorangan yang membina rumah kerana bekalan tidak dapat disalurkan ke rumah mereka.

Saya percaya kalau masalah ini dibiarkan, ianya menjadi masalah yang lebih besar, kerana jerebu dan air adalah suatu perkara yang amat penting, kalau asap boleh menjejaskan kesihatan manusia, tetapi kalau tidak ada air manusia juga boleh memberontak.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada masalah jerebu. Sekali lagi saya minta Kerajaan Malaysia supaya usul yang kita bentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, keputusan dan resolusi usul ini dihantar kepada ketua pemerintah Republik Indonesia bukan untuk menimbulkan suatu perbalahan dengan mereka, bukan, tetapi kelulusan secara sebulat suara Dewan yang mulia ini mewakili rakyat Malaysia 20 juta, mewakili rakyat Malaysia bahawa kita amat-amat prihatin dengan masalah ini dan meminta supaya mereka bekerjasama dan memberi ruang yang seluas-luasnya kepada mana-mana pihak yang membantu untuk menyelesaikan masalah ini dan satu salinan yang sama, saya minta dihantar kepada Dewan Perwakilan Rakyat Indonesia untuk menyatakan prihatin kita kepada masalah yang sedang berlaku dalam negara kita dan kita minta kerjasama pihak Indonesia mengamalkan sikap terbuka dalam masalah ini, tidak perlu kita merasakan soal integriti ataupun maruah negara berkenaan menerima kedatangan orang luar, merasakan rendah diri dan sebagainya, itu bukan persoalannya dalam kes ini.

Tetapi persoalan kita untuk menuntut ganti rugi dalam soal ini adalah perlu ditimbang secara halus, sebab saya lebih bersependapat dengan Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam Negara, Yang Berhormat Menteri Penerangan, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang, bukan soal menuding jari kepada mana-mana pihak, mencari kesalahan sesiapa, tetapi lebih menumpukan kepada masalah bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini, ini yang paling utama. Kalau kita cuba menuding jari kepada mana-mana pihak, orang itu

salah, orang ini salah, sedangkan masalah sudah berlaku, maka ianya tidak dapat diselesai dan ditangani dengan baik.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tumpat bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tidak faham apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang, sekali dia ke hilir dan sekali dia ke hulu. Sekali dia kata, kita jangan menuding jari kepada sesiapa, tetapi yang penting kita menyelesaikan masalah. Lepas itu dia sebut Kerajaan Kelantan, Kerajaan Indonesia, dia tidak pernah menyalahkan diri dia sendiri. Apakah Ahli Yang Berhormat sedar bahawa yang terlibat dalam kebakaran hutan di Indonesia itu adalah beberapa syarikat daripada Malaysia.

Sepatutnya Ahli Yang Berhormat sebagai seorang lawyer, patutnya mencadangkan di Dewan ini untuk menghukum syarikat di Malaysia itu, orang-orang yang terlibat

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan berucap ini, tanyalah soalan apa yang hendak ditanya, be rational Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini memang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan. Yang Berhormat minta penjelasan, jangan berucaplah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tanyalah soalan, jangan berucap. Kalau hendak berucap, bangun selepas ini berucaplah. Tanya soalan, ini saya beri laluan dengan penuh hormat, jangan gunakan forum ini untuk berucap.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Itu soalan, supaya syarikat-syarikat Malaysia yang terlibat dalam situasi yang berlaku sekarang ini dihukumkan dengan hukuman yang setimpal dengan apa yang telah dilakukan oleh mereka.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Cukuplah Yang Berhormat, saya sudah faham soalnya itu, duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini menyalahkan Kelantan, menyalahkan Indonesia, Suharto, tetapi diri sendiri [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat dari Tumpat, cukup, minta duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini suatu hal yang tidak rasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bangun minta penjelasan. Yang Berhormat telah berucap, cukup, cukup.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, inilah menunjukkan kejahilan Ahli Yang Berhormat daripada PAS. *[Tepuk]* Tadi Ahli Yang Berhormat daripada Marang, saya sengaja berdiam diri, Tuan Yang di-Pertua, salah satu cadangan dia tanya, dia kata, hukuman tidak cukup. Seolah-olah dia buta kepada hakikat bahawa sekarang Akta Alam Sekitar telah dipinda dalam Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]* Dia tidak tahukah sekarang ini hukuman maksimum RM100,000 sekarang. Tadi, dia sebut RM3,000, RM4,000 menunjukkan dia sendiri tidak faham. Dia tidak faham. Tanya Yang Berhormat Menteri! Kita telah meminda Akta Alam Sekitar hendak menunjukkan kerajaan prihatin masalah ini dan baru-baru ini arahan daripada Ketua Hakim Negara sendiri kepada mahkamah-mahkamah supaya menyelesaikan semua masalah ini kalau yang mengaku salah hari itu juga kena hukum dan hukumannya mestilah menggambarkan hasrat dan kemarahan rakyat dalam soal ini.

Sekarang ini saya hendak memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, hukuman kesalahan alam sekitar ialah RM100,000, kalau tidak salah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tahu, tidak perlu beritahu kepada saya.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Itulah, sekarang baru kata tahu. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Marang memberitahu bahawa hukuman tidak

setimpal, RM3,000, RM4,000 dia sebut, boleh check *Hansarad* seolah-olah dia tidak boleh menerima hakikat bahawa kerajaan bersikap tegas dalam masalah ini.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya semasa Ahli Yang Berhormat dari Marang itu ada berucap [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukup, cukup!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Inilah menggambarkan, tengok, ini tidak ikut peraturan lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak duduk pun dia bercakap. [*Ketawa*] Ini kena masuk pemulihan, Tuan Yang di-Pertua, dua penggal sudah jadi Ahli Yang Berhormat. [*Tepuk*] Tak faham-faham lagi!

Kalau hendak bangun, kalau saya tidak duduk, itu maknanya saya tidak beri laluan. Sebab Ahli Yang Berhormat menyalahgunakan peluang yang saya beri. Saya sebut tadi, berhubung dengan Kerajaan Kelantan kerana isu ini dipolitikkan di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, di masjid-masjid, di surau-surau disebut bahawa bala bencana yang menimpa sekarang kerana pemimpin di Kuala Lumpur buat maksiat, dipolitikkan isu ini. Ini yang saya sebutkan tadi, supaya Kerajaan Kelantan dan pemimpin-pemimpin di Kelantan harus faham, jangan kita menuding jari kepada orang lain, kita mesti melihat kelemahan diri kita sendiri. Kalau kita tidak boleh menyelesaikan masalah, jangan dok mempersalahkan orang lain.

Sebagai orang Islam, saya terima hakikat bahawa yang berlaku ini seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Marang, ianya dilakukan ataupun atas kehendak Allah S.W.T. Saya terima itu tanpa ragu 100%, Tuan Yang di-Pertua, tetapi jangan kita menuding jari kepada orang bersalah kerana orang itu buat maksiat, orang ini buat maksiat, kita nampak atau tidak, pemimpin PAS pun ada yang buat maksiat, yang saya sendiri pun bela juga dahulu, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Jangan hendak mempersalahkan orang lain.

Yang saya hendak supaya kita menangani masalah ini secara rasional. Mengapa kita tidak boleh bersama dalam masalah ini kalau dahulu dalam isu Bosnia, pembangkang dan kerajaan boleh bersama? Mengapa dalam masalah isu ini kita tidak boleh bersama. Jangan kita politikkan. Kelemahan diri kita, kita kena akui, jangan kita hendak mempolitikkan isu ini menuding jari kepada orang lain.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terakhir.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tetapi kena ada disiplin tahu! Saya beri amaran awal-awal, *[Ketawa]* kalau tidak ada disiplin, saya tidak beri, ini peluang terakhir.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terakhir. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan saya itu belum dijawab lagi. Di mana berapa

banyak syarikat-syarikat Malaysia yang terlibat dengan kebakaran hutan di Indonesia

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Cukup, saya faham soalan itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jangan melatah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tidak, insya-Allah, saya jawab. Tuan Yang di-Pertua, ini menggambarkan bodoh sekali lagi, minta maaf. *[Ketawa]* Benda ini dia buat di Kalimantan, di Sumatera, mana bidang kuasa Kerajaan Malaysia hendak jatuh hukuman di sana. Ini tidak faham, tengok ini Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Kalau tidak faham, lebih baik jangan bercakap. Walaupun ianya syarikat Malaysia, kesalahan berlaku di Kalimantan, kesalahan berlaku di Sumatera, mahkamah Malaysia, Kerajaan Malaysia tidak ada bidang kuasa hendak hukum kesalahan yang berlaku di Kalimantan, mesti faham.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Mencadanglah kepada Kerajaan Indonesia untuk menghukum.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ha, itu ubah cerita pula dah. Suruh cadang kerajaan pula. *[Ketawa]* Tadi suruh hukum, ini tengok.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bukan suruh hukum, itu pandangan!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ha, pula dah! Tukar cerita dah. Semua orang dengar. *[Ketawa]* Semua pegawai-pegawai kerajaan dalam Dewan ini dengar, tadi suruh hukum kata, tengok!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Duduklah Yang Berhormat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tengok! Apa yang dicadangkan langsung tidak ada ...

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apabila sebut perkataan suruh menghukum, bukan saudara sebagai hakim, fahamlah kedudukan, mungkin satu pandangan ...

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Pandangan pula dah, tukar sudah pula. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini ertinya Yang Berhormat untuk mendefinisikan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat cukuplah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ini berdolak dalik betullah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jadi, susah, bagaimana pandangan Ahli Yang Berhormat tentang penglibatan syarikat-syarikat daripada Malaysia, bagaimana? *[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli Yang Berhormat dari Tumpat duduklah.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Cukuplah, duduk.

Seorang Ahli: Nampak sahaja pandai!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau syarikat ...

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak mahu beri jalan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ha, tengok! Tengok, satu tuduhan yang amat liar, tengok! Ha, tengok!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Inilah fiil orang PAS, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa][Tepuk]* Dia pakai semua orang lain tidak betul. Tengok, dia kata barangkali saya terlibat dengan rasuah dalam masalah pencemaran jerebu. *[Ketawa]* Bila saya tekan balik, dia kata, barangkali pula. Berbelit-belit dia cakap. *[Ketawa]* Tuduhan yang melulu ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta duduk.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ahli Yang Berhormat daripada parti yang memperjuangkan Islam, jangan membuat tuduhan liar, Islam larang orang buat tuduhan liar Ahli Yang Berhormat. Jangan melakukan sesuatu yang bercanggah dengan prinsip perjuangan Ahli Yang Berhormat sendiri, malu daripada parti yang kononnya memperjuangkan Islam. Sikap ini cukup malulah. Jangan kita hendak pakai pukul rata, semua orang buat maksiat,

semua orang tidak betul, jangan buat macam itu. Itu tidak betul, sikap macam itu dalam Islam sendiri pun tidak boleh.

Saya lebih-lebih tidak berpelajaran daripada Ahli Yang Berhormat dari segi agama, tidak layak saya hendak mengajar Ahli Yang Berhormat, tetapi Ahli Yang Berhormat sebagai sebuah parti yang memperjuangkan Islam, malu kalau bersikap demikian, cukup memalukan! *[Tepuk]* Jangan membuat tuduhan liar seperti itu, sepertimana ada setengah pemimpin PAS sekarang di Kelantan, menuduh Kerajaan Pusat dan sebagainya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada masalah ini, kerana tidak ada disiplin, saya tidak beri peluang lagi dah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak boleh jawab, itu masalahnya. *[Ketawa]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya sudah katakan tadi, kalau ada syarikat di Malaysia yang terlibat

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup!

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau ada masalah syarikat Malaysia yang terlibat, sepertimana yang disebut oleh Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam Negara telah minta, syarikat ini tampil ke depan, tetapi di Selangor telah dinafikan tidak ada syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang terlibat, dinafikan dengan jelas. Dan saya hendak ingatkan sekali lagi, tengok,

kecurian dan pembakaran hutan di negeri Kelantan pun satu perkara yang kena diperhatikan, tolong Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, balik beritahu Menteri Besar Kelantan, masalah pencerobohan hutan, itu juga kalau tidak dapat ditangani dengan baik, bala Allah S.W.T. akan timbul juga, kena ingat juga.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Itu sudah selesai dah. Tuan Yang di-Pertua, itu tidak jadi isu lagi. Itu isu yang diada-adakan. Saya sendiri pergi ke tempat itu.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ha, tengok. Tengok, dia kata diada-adakan. Kemudian pencerobohan tanah di negeri Kelantan oleh rakyat Kelantan. Baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan membuat kenyataan, itu diadakan pula? Pencerobohan kawasan balak secara tidak sistematik, pencerobohan tanah kerajaan dan ini akan menyumbang kepada masalah alam sekitar yang sedang kita bincangkan sekarang

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, lari tajuklah. *[Ketawa]*

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Bila pula Yang Berhormat dari Tumpat ini jadi Tuan Yang di-Pertua ini? *[Ketawa]* Dia sendiri pula pandai menentukan.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada masalah ini, kalau ada masalah ataupun perkara syarikat Malaysia yang terlibat, saya bersetuju syarikat ini mesti memikul tanggungjawab yang berat, tetapi kalau hendak minta Kerajaan Malaysia menghukum syarikat ini tidak munasabah kerana kesalahan berlaku

di luar dan bukan dalam bidang kuasa Kerajaan Malaysia dan Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam serta Kerajaan Malaysia telah menggesa syarikat ini tampil ke depan dan mereka telah menghulurkan bantuan sekadar yang mampu, tetapi dengan itu sahaja, saya percaya ianya tidak cukup, mesti digemblengkan tenaga.

Saya hendak tanya orang PAS, bersetuju atau tidak orang PAS kalau kerajaan minta hendak pergi bantu membersih ataupun memadamkan kebakaran di Kalimantan dan di Sumatera sekarang? Bersetuju atau tidak orang PAS supaya membuat gerakan bersama? Dahulu bila kerajaan hantar orang pergi ke Bosnia, dia buat gerakan hendak pergi hantar ke Bosnia, akhirnya seorang pun tak ada, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Cakap sahaja pandai! Tetapi bila kerajaan buat semua tak betul. Sekarang kalau orang PAS ikhlas, saya cabar, lakukan gerakan besar-besaran di kalangan penyokong PAS, daftar nama ikut serta bomba kita pergi ke Indonesia menyelesaikan masalah ini. *[Tepuk]* Jangan sahaja kita pandai bercakap. Dahulu Bosnia, saya ingat Tuan Yang di-Pertua, bila Kerajaan Malaysia hantar pergi ke Bosnia, hendak menolong orang Islam, dia pun daftar semua suruh gerakan mendaftar untuk perang jihad di Bosnia, akhir-akhirnya seorang pun tak ada pergi, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Cakap sahaja pandai!

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu sekali lagi saya menyeru masalah ini jangan dilihat dalam konteks masalah yang sempit, kita mesti bertindak secara menyeluruh, membantu pihak kerajaan untuk menyelesaikan kerana bencana

seperti ini saya percaya bukan sahaja pihak rakyat tetapi kerajaan juga tidak mahu melihat rakyatnya mengalami ataupun terjejas akibat daripada bencana yang sedang menimpa negara kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa hari ini, ianya kembali agak stabil, agak baik. Tetapi saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Marang, saya di tempat yang saya bersetuju, saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, saya cukup gentleman punya. Mana yang saya bersetuju kata baik, saya kata baik.

Kalau kita tidak berhati-hati, masalah ini adalah kali yang ketiga sudah berlaku sekarang, kalau kita tidak berhati-hati, tidak mengambil langkah pencegahan yang baik, sama-sama tidak memikul tanggungjawab ini, saya bimbang takut di masa-masa akan datang, jerebu ini akan melanda dengan lebih buruk lagi.

Sebab itu, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Marang, masalah yang harus ditangani bukan sahaja dari segi peringkat jangka pendek, tetapi mesti dilihat dalam konteks jangka panjang supaya sama-sama kita berdoa ke hadrat Allah S.W.T. bencana ini dijauhi daripada Allah S.W.T. Dan sebagai umat Islam, saya hendak menyeru kepada mereka yang beragama Islam, kita percaya bahawa sesuatu itu ditetapkan oleh Allah S.W.T., maka tidak ada sesuatu perkara yang mengaibkan, memalukan kalau kita melakukan gerakan sembahyang hajat di masjid-masjid dan sebagainya supaya ianya terhindar bala bencana ini ke atas kita.

Tidak ada rasa sesuatu yang payah bagi kita untuk melakukan sunat hajat dua rakaat selepas sembahyang fardu untuk memohon kepada Allah S.W.T. supaya rakyat Malaysia dihindari daripada bala bencana ini. Dengan itu, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bandau.

6.28 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi pihak kita peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkaitan dengan pencemaran masalah jerebu di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekadar kita mendaftarkan sokongan kepada Usul yang telah dibentangkan, memandangkan bukan sahaja Usul ini dan tindakan yang telah pun dihuraikan adalah tepat pada masanya dan amat diperlukan untuk menjamin keselamatan negara khususnya dari segi kesihatan rakyat dan seterusnya tetapi juga supaya pengalaman daripada masalah ini boleh digunakan sebagai landasan pengalaman supaya ia tidak akan lagi mudah-mudahan terjadi di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, masa untuk hari ini telah cukup. Boleh sambung esok.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Boleh sambung besok, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.